

BAB 3

DASAR EKONOMI BARU DAN MASYARAKAT INDIA

3.0. Pengenalan

Bab 2 telah menghuraikan penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan untuk melihat latarbelakang kedatangan kaum India ke Malaysia. Selain daripada itu aktiviti-aktiviti ekonomi mereka sebelum perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru juga telah dikaji dengan mendalam. Dalam Bab ini kajian akan dibuat untuk melihat perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan tumpuan khas kesannya terhadap kaum India. Kajian akan dilakukan dengan melihat kesan Dasar Ekonomi Baru terhadap masyarakat India Malaysia berdasarkan kepada matlamat serampang dua mata DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula. Adalah penting untuk menganalisa kesan DEB dalam pelbagai aspek supaya kajian penyertaan kaum India dalam pemilikan ekuiti dapat dibuat dalam bab seterusnya.

3.1. Dasar Ekonomi Baru

DEB telah diperkenalkan selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Perlaksanaan DEB adalah dirangka untuk tempoh selama 20 tahun, bermula dari tahun 1971 hingga tahun 1990. DEB telah dilaksanakan bermula daripada Rancangan Malaysia Kedua yang bertujuan untuk:

- i. mengurangkan dan seterusnya membasi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum.*
- ii. untuk mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang dan*

*seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.*¹

Di antara dua matlamat DEB tersebut, matlamat pertama iaitu membasmi kemiskinan adalah mudah difahami. Matlamat kedua iaitu penyusunan semula masyarakat adalah untuk mengatasi ketidakseimbangan yang wujud akibat dari dasar penjajah. Isu ketidakseimbangan dan ketidakadilan masyarakat yang wujud di tahun-tahun 1960-an meliputi pelbagai aspek. Di antaranya adalah:

- a) ketidakseimbangan pendapatan;
- b) ketidak seimbangan gunatenaga;
- c) ketidakseimbangan hakmilik dan penguasaan kekayaan; serta
- d) ketidakseimbangan antara negeri dan wilayah.

Masalah kemiskinan, pengangguran dan perbezaan kedudukan ekonomi antara kaum merupakan antara perkara yang menggugat keharmonian kaum. Ini menerangkan kenapa matlamat perpaduan negara menjadi matlamat unggul DEB.² Rangka Rancangan Jangka Panjang bagi tujuan ini dijelaskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-80, yang mengariskan matlamat DEB dengan lebih terperinci dan kuantitatif seperti berikut:

i. Kadar kemiskinan akan diturunkan dari 49.3% (1970) kepada 16.7% (1990). Walaupun tidak dipastikan kadar kemiskinan bagi setiap kaum, tetapi kadar kemiskinan luar bandar akan turun daripada 58.7% (1970) kepada 23.0% (1990) dan bandar daripada 21.3% (1970) kepada 9.1% (1990).

ii. Mencapai tahap gunatenaga penuh dengan kadar pengangguran diturunkan daripada 7.4% kepada tahap gunatenaga penuh 3.6% antara 1970 hingga 1990, dan matlamat kuantitatif dari segi pembahagian kaum di tiga sektor utama mengikut jenis pekerjaan dan kaum.

¹ Malaysia, *Rancangan Malaysia Kedua*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1970, ms. 1.

² Ibid., ms. 3.

iii. Dari segi penyusunan semula gunatenaga, DEB menjangka struktur gunatenaga dalam setiap sektor ekonomi dan tingkat pekerjaan dalam jangka panjangnya akan mencapai tingkat yang selaras dengan struktur penduduk Malaysia di segenap lapangan. Antara tahun 1970 dan 1990, pembahagian gunatenaga Melayu/Bumiputera dalam sektor primer dirancang akan menurun daripada 67.6% kepada 61.4%, tetapi dalam sektor sekunder ia akan naik daripada 30.8 % kepada 51.9% dan sektor tertiari daripada 37.9% kepada 48.4%. Sebaliknya, pembahagian gunatenaga Cina dirancang menurun daripada 59.5% kepada 38.1% dalam sektor sekunder dan daripada 48.3% kepada 39.0% dalam sektor tertiari, tetapi akan naik daripada 21.4% kepada 28.3% dalam sektor primer. Sasaran pembahagian untuk kaum India boleh dikatakan tidak berubah dalam lingkungan 10-12% dalam semua sektor.

iv. Pembahagian pemilikan saham modal dalam syarikat berhad dirancang berubah daripada nisbah 2.4: 34.3: 63.3 (Bumiputera: bukan-Bumiputera: asing) pada tahun 1970 kepada 30: 40: 30: pada tahun 1990.

v. Seterusnya, semua matlamat ini dijangka akan dicapai dengan perubahan yang pesat dalam struktur dan produktiviti dalam bidang ekonomi dengan melibatkan sektor Kerajaan seiringan dengan sektor swasta. Sasaran pertumbuhan ekonomi ialah purata 7-8% kenaikan KDNK (Keluaran Dalam Negeri Kasar) setahun. Sektor pembuatan akan menjadi sektor terpenting dengan kadar pertumbuhannya dijangka mencapai purata 12.2% setahun, supaya pada tahun 1990, ia menjadi sektor terbesar dengan menyumbang 26.6% kepada KDNK. Dengan itu, ia menggantikan tempat sektor pertanian, yang sumbangannya kepada KDNK akan menurun daripada 32.1% (1970) kepada 19.7% (1990).³

Tahun 1990 melalui Rancangan Malaysia Kelima menandakan tamatnya secara resmi perlaksanaan DEB. Memang tidak dapat dinafikan, secara umumnya DEB telah mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan selepas tamat tempoh perlaksanaan DEB. Sebelum DEB dilaksanakan, secara umumnya, boleh dikatakan

³ Kerajaan Malaysia, *Dasar Ekonomi Baru Untuk Pembangunan Negara: (DEPAN)* Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1991, ms. 17-18.

bahawa masyarakat Melayu dan India adalah golongan yang paling miskin dan ketinggalan dari segi sosio-ekonomi jika dibandingkan dengan masyarakat Cina.

Secara kasarnya, kesan DEB terhadap masyarakat India Malaysia dapat dilihat pada laporan akhir Majlis Perundingan Ekonomi Negara, pada para 322 yang menyatakan:

"Pada keseluruhannya kaum India kurang sekali mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi. Mereka telah jauh ketinggalan dalam berbagai sektor seperti guna tenaga, pendidikan, perdagangan dan perindustrian. Kadar pengangguran mereka adalah tinggi manakala kadar pencapaian pendidikan sungguh rendah. Demikian juga dengan penyertaan ekuiti mereka yang telah terhenti pada kadar 1.0 peratus sejak tahun 1970. Majoriti dari tenaga buruh India misalnya didapati berada dalam sektor perladangan di mana keadaan pekerjaan dan mutu hidup amat tidak memuaskan. Kadar kemiskinan di sektor perladangan juga amat tinggi. Perkembangan kemahiran keusahawanan juga rendah. Rancangan masa depan perlu mengambilkira penyertaan kaum India dan kaum minoriti yang lebih bermakna dalam semua bidang."

Malah, ketika Perdana Menteri membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua pada 17 Jun 1991, beliau telah dengan khusus menyebut kaum Bumiputra di Sabah dan Sarawak serta kaum India di Semenanjung akan diberi perhatian yang lebih akibat daripada kedudukan sosio-ekonomi mereka. Beliau memberitahu parlimen bahawa kaum-kaum minoriti Bumiputra dan bukan Bumiputra masih ketinggalan di belakang dalam beberapa sektor. Katanya lagi, "keperluan mereka untuk mendapatkan pertambahan peluang pendidikan dan pekerjaan akan diberi perhatian yang lebih."⁴ Melalui penerangan di atas, boleh dikatakan masyarakat India telah tidak mencapai kemajuan seperti yang dijangkakan jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu selepas tamatnya tempoh perlakasanaan Dasar Ekonomi Baru.

⁴ Malaysian Indian Congress, *The Second Round: Vision 2020 And Malaysian Indians*, Kuala Lumpur, 1992.

Penyelidikan kesan-kesan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru terhadap masyarakat India Malaysia boleh dikaji melalui pembahagian-pembahagian seperti kemiskinan, pendidikan, penceburan dalam sektor koperat dan perniagaan, pekerjaan, tingkat upah dan pengangguran. Melalui pembahagian ini adalah diharapkan sama ada objektif-objektif yang telah ditetapkan oleh DEB telah tercapai terutamanya terhadap masyarakat India Malaysia.

Adalah didapati bahawa tidak banyak kajian mengenai kesan DEB terhadap kaum India dibuat. Ini adalah kerana kebanyakan perangkaan daripada laporan rasmi kerajaan, mengenai kaum India sering dimasukkan dalam kumpulan bukan Bumiputra (kaum Cina dan India). Kebanyakan kajian yang dibuat oleh agensi-agensi kerajaan adalah berdasarkan kepada pembahagian di antara Bumiputra dan bukan Bumiputra. Pembahagian seperti ini tidak akan menunjukkan keadaan sebenar masyarakat India.

3.2. Pembasmian Kemiskinan

Salah satu daripada strategi pembangunan sosio-ekonomi yang digariskan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (1971-1990) melalui Rancangan Lima Tahun Malaysia adalah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum iaitu merangkumi kaum Bumiputera, Cina dan India. Kemiskinan di Malaysia tidak boleh disamakan dengan kemiskinan di negara-negara lain. Kemiskinan adalah berbeza dari negara ke negara, dari masa ke masa, mengikut tahap pembangunan ekonomi dan mengikut struktur sosial. Walaupun sesebuah negara itu maju, di dalam negara tersebut masih juga wujud kemiskinan. Oleh sebab itu tidak bermakna negara yang maju tidak wujud kemiskinan. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain juga menghadapi masalah kemiskinan. Kemiskinan di Malaysia mempunyai

ciri tertentu berhubung dengan faktor etnik serta berkait dengan lokasi geografi dan aktiviti ekonomi tertentu.⁵

Sebelum DEB mula diperkenalkan pada tahun 1970, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia adalah 49.3 peratus. Ini menunjukkan hampir separuh daripada penduduk Semenanjung Malaysia adalah terdiri daripada golongan miskin. Kadar kemiskinan masyarakat India pada tahun itu adalah 39.0 peratus. Selepas tamatnya perlaksanaan DEB, iaitu pada tahun 1990 kadar kemiskinan negara bagi semua kaum telah menurun kepada 15 peratus manakala bagi kaum India telah menurun kepada 8.0 peratus seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1
Semenanjung Malaysia: Pembasmian Kemiskinan
1970 - 1990

	1970 (%)	1990 (%)
Semenanjung Malaysia		
Kadar Kemiskinan	49.3	15.0
Luar Bandar	58.7	19.3
Bandar	21.3	7.3
Bumiputera	65.0	20.8
Cina	26.0	5.7
India	39.0	8.0
Lain-lain	44.8	18.0

Sumber: Malaysia, *The Second Outline Perspective Plan 1991-2000*, ms. 46.

Ini adalah satu pencapaian yang sangat menggalakkan terutamanya kepada masyarakat India. Walau bagaimanapun, persoalan yang timbul di sini adalah apakah kriteria atau definisi yang digunakan untuk mengukur kadar kemiskinan.

⁵ Chamhuri Siwar, "Pembasmian Kemiskinan Dalam Jangkamasa DEB: Beberapa Isu dan Masalah." *Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depannya*, eds. Khadijah Muhamed dan Halimah Awang, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, 1991, ms. 29.

Dari segi definasi, tidak terdapat satu definasi yang mutlak bagi kemiskinan. Terdapat dua cara pengukuran kemiskinan yang selalu digunakan iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak bermaksud pendapatan tidak mencukupi untuk menyara hidup manakala kemiskinan relatif adalah ketidakseimbangan pendapatan di antara penduduk. Pada umumnya, kemiskinan merupakan satu sifat keadaan ekonomi dan sosial yang dialami oleh orang yang berkurangan pendapatan mahupun mutu penghidupan seharian.

Pendapatan adalah perlu untuk menganggar kadar kemiskinan. Melalui pendapatan, pengukuran kemiskinan boleh ditentukan melalui penetapan Garis Kemiskinan. Garis kemiskinan adalah satu paras pendapatan sekadar cukup untuk membeli makanan seisi rumah, kesihatan sempurna dan keperluan-keperluan asas lain (pakaian, perumahan, tenaga dan bahanapi, pengangkutan dan persekolahan). Kumpulan yang pendapatan mereka berada di atas garis kemiskinan ini tidak berada dalam kemiskinan.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia (OPP) 1971-90, memberi penekanan terhadap mengurangkan kadar kemiskinan. Di Semenanjung Malaysia, kadar kemiskinan dijangkakan akan berkurang daripada 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 16.7 peratus dalam 1990. Ini dapat dicapai melalui pertumbuhan pesat sosio-ekonomi, dan melalui penyertaan menyeluruh masyarakat miskin. Program pembasmian kemiskinan memberi penekanan kepada peluang-peluang untuk masyarakat miskin menyertai proses pertumbuhan ekonomi untuk menikmati feadah pembangunan.

Pada permulaan DEB, terdapat hampir 791,800 isirumah miskin di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah ini, 89 peratus adalah terdiri dari isirumah luar bandar dan 11 peratus isirumah miskin di bandar. Menurut Rancangan Malaysia

Ketiga, sasaran yang ditetapkan adalah kemiskinan di Semenanjung Malaysia akan berkurangan kepada 768,300 isirumah dan seterusnya kepada 513,900 isirumah pada tahun 1990.⁶ Menjelang tahun 1980, hampir 130,700 isirumah miskin telah keluar dari kemiskinan.

3.2.1. Kemiskinan Luar Bandar

Di antara program-program yang dilaksanakan untuk membasi kemiskinan dalam tempoh 1971-1980 termasuk penyediaan kemudahan di kawasan-kawasan pertanian, pengenalan kepada pertanian moden kepada petani miskin, penyediaan peluang-peluang pekerjaan di sektor-sektor yang produktif, penyediaan perkhidmatan masyarakat dan kemudahan awam seperti pendidikan, kesihatan, perumahan, air dan bekalan elektrik.

Kerajaan telah menentukan sembilan kumpulan miskin utama untuk tujuan pembasmian kemiskinan iaitu pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan, pekebun kecil kelapa, pekerja ladang, penduduk Kampung Baru, buruh pertanian, Orang Asli dan kumpulan miskin di bandar. Strategi pembasmian kemiskinan di bandar ditumpukan kepada penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat miskin dan kemudahan asas seperti perumahan, air dan bekalan elektrik, pengangkutan dan perancangan keluarga. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan kelompok-kelompok masyarakat ini terdiri dari selain daripada masyarakat Melayu masyarakat India terutamanya pekebun kecil getah dan pekerja ladang. Secara keseluruhan, masyarakat India miskin sepertutnya menerima faedah daripada program pembasmian kemiskinan Dasar Ekonomi Baru. Dari segi kumpulan sasaran, masyarakat India miskin yang termasuk dalam kumpulan tersebut terdiri dari pekerja

⁶ Malaysia, *Third Malaysian Plan 1976-1980*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1976. ms. 73.

estet dan masyarakat bandar miskin adalah dua kumpulan miskin utama yang mudah dikenalpasti. Jadual 3.2 menunjukkan Kumpulan Sasaran miskin di sektor pertanian.

Data yang diperolehi daripada sumber-sumber dan penerbitan kerajaan adalah tidak mencukupi walaupun data-data tersebut diberikan dengan pecahan kumpulan etnik di dalam kajian secara tepat kesan program pembasmian kemiskinan terhadap masyarakat India. Banci Pertanian pada 1977 oleh Jabatan Perangkaan tidak merangkumi pekerja-pekerja estet. Malah untuk anggaran kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Kelima menyatakan, oleh kerana kekurangan data, perangkaan mengenai pendapatan kumpulan miskin utama yang diperolehi daripada kajian-kajian dan penyiasatan yang meliputi beberapa kawasan sahaja dan tidak meliputi seluruh negara dan oleh itu tidak menggambarkan keadaan sebenarnya.⁷ Data-data kemiskinan yang lebih menyeluruh dan kemaskini telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan adalah Penyiasatan Pendapatan Isirumah (HIS), 1984. Ia merupakan satu penyiasatan sampel yang besar mengenai pendapatan. Penyiasatan ini memberikan perangkaan penting mengenai pendapatan dan perangkaan lain yang perlu untuk menganggarkan kadar kemiskinan.

Garis kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan juga sering menimbulkan persoalan. Ini adalah kerana penerangan tidak diberikan mengenai cara garis kemiskinan diperolehi atau apa itu garis kemiskinan sebenarnya dalam setiap Rancangan Pembangunan Malaysia. Jumlah pendapatan yang paling hampir kepada garis kemiskinan kerajaan adalah diperolehi daripada satu kajian yang dijalankan pada tahun 1983 oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERU), Jabatan Perdana Menteri. Jumlah yang diberikan adalah sebanyak RM384 sebulan untuk isi rumah

⁷ Malaysia, *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1986, ms. 104.

Jadual 3.2
Semenanjung Malaysia: Isirumah Miskin di Sektor Pertanian Terpilih
1970, 1980 dan 1987 ('000)

Sektor	1970		1980		1987	
	Isirumah Miskin	Kadar Kemiskinan	Isirumah Miskin	Kadar Kemiskinan	Isirumah Miskin	Kadar Kemiskinan
Kemiskinan Kumpulan Sasaran						
Pekebun kecil getah	226.4	64.7	168.9	41.3	83.1	40.0
Pekebun kecil kelapa	16.9	52.8	12.8	38.9	4.9	50.2
Pekerja Estet	59.4	40.0	37.9	35.1	11.7	15.0
Nelayan	28.1	73.2	18.6	45.3	10.7	24.5
Penaman Padi	123.4	88.1	76.4	52.7	54.4	50.2

Sumber: Kerajaan Malaysia, *Midterm Review Fourth Malaysia Plan*, Table 3-2, ms. 80.

Kerajaan Malaysia, *Fourth Malaysia Plan*, Table 3-1, ms. 33.

Kerajaan Malaysia, *Midterm Review Fifth Malaysia Plan*, Table 3-6, ms. 52.

yang terdiri daripada 5 orang ahli.⁸ Kadar kemiskinan pada tahun tersebut adalah 42.8 peratus. Manakala anggaran kadar kemiskinan rasmi pada tahun itu adalah 30.3 peratus. Pada tahun 1984, anggaran kemiskinan rasmi turun lagi kepada 18.4 peratus. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima menyatakan pendapatan garis kemiskinan yang digunakan bagi memisahkan isirumah miskin daripada isirumah tidak miskin di negara ini adalah RM350 sebulan pada tahun 1987 bagi sebuah isirumah yang mengandungi 5.14 orang ahli.⁹

⁸ Chandra Muzaffar, *The NEP and the Eradication of Poverty*, Aliran, Pulau Pinang, 1989.

⁹ Khadijah Muhammed dan Halimah Awang, eds., *Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depannya*, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, 1991. ms. 5.

Persoalan di sini adalah sekiranya garis kemiskinan tersebut diturunkan maka kadar kemiskinan akan menurun dan jika garis kemiskinan dinaikkan maka lebih ramai yang miskin. Kerajaan menyatakan bahawa kadar kemiskinan telah turun daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 17.3 peratus pada tahun 1987. Dalam tempoh 18 tahun selepas pelaksanaan DEB kadar kemiskinan telah menurun kira-kira 32 peratus. Ini menakjubkan kerana kadar ini telah jatuh dari 29.2 peratus pada tahun 1980 kepada 17.3 peratus pada tahun 1987 iaitu sebanyak 12 peratus dalam tempoh tujuh tahun.

Kemiskinan di kalangan masyarakat India juga boleh dilihat melalui kedudukan sub-etnik mereka. Masyarakat India itu sendiri adalah terdiri daripada pelbagai budaya, bahasa dan agama. Kumpulan sub-etnik seperti Malayali, Ceylonese dan Sikh jika dilihat secara kasar adalah baik dari segi kedudukan mereka jika dibandingkan dengan Tamil dan Telugu. Kumpulan ini adalah berpendidikan Inggeris semasa pihak penjajah British membawa mereka ke Malaya untuk bekerja di perkhidmatan awam. Anak-anak mereka telah merebut peluang-peluang pendidikan tinggi di Malaya. Mereka telah mencapai kedudukan yang lebih baik dari buruh-buruh India di estet-estet bahkan kedudukan mereka lebih baik dari orang-orang Melayu. Kemakmuran golongan ini tidak melimpah kepada golongan etnik lain dari kaum tersebut. Golongan kedua itu terus tertumpu sebagai pekerja ladang dan penduduk bandar yang miskin. Kebanyakan daripada sub-etnik Tamil dan Telugu terdiri dari buruh-buruh yang bekerja di sektor perladangan.

Dua kajian yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bertajuk *Socio-Economic Study of Rubber Estate Workers* (April 1981) dan *Socio-Economic Study of Oil Palm Estate Worker* (June 1983) telah memberikan data-data yang berguna untuk menganalisa kesan program pembasmian

kemiskinan kerajaan ke atas pekerja-pekerja estet. Dalam kajian mereka terhadap pekerja-pekerja ladang getah, bahagian pengenalan laporan tersebut menyatakan:

"As a group, the rubber estates workers can be classified as 'poor' not only in the economic sense but also in prevailing socio-economic conditions. Housing conditions are poor, both in terms of the availability of floor space and the number of rooms. Proper educational facilities are lacking, explaining in part, the high dropout rates at MCE and LCE levels. The average estate household is also less equipped in household goods as compared to the average rural household. There is also a high incidence of indebtedness (68 per cent) among the workers.

The government has identified the estate workers as a poverty group and many of the problems associated with the socio-economic conditions of the workers. Various programmes and policies have been identified and implemented by government in its efforts to uplift the socio-economic status of this group of people. What is perhaps most pertinent is the need for concerted effort to be made by all agencies/organizations concerned if the benefits are to be maximised. Isolated programmes to improve their socio-economic status may not bring about any noticeable change in their socio-economic status since poverty has to be tackled on all 'fronts' if it is to be eradicated."¹⁰

Laporan daripada *Socio-Economic Study of Rubber Estate Workers*¹¹ telah memperolehi beberapa penemuan penting dari segi keadaan sosio-ekonomi pekerja-pekerja ladang atau estet getah dan di antara yang utama diringkaskan dan disenaraikan seperti berikut:

- a. Kebanyakan daripada tenaga buruh di estet adalah buruh-buruh yang telah berumur. Purata pekerja estet adalah berumur 38 tahun. Ini menunjukkan ramai muda-mudi mula meninggalkan sektor perladangan dan jika ia berterusan sektor ini akan mengalami kekurangan tenaga buruh.

¹⁰ Kata Pengenalan oleh Mohd. Nurzid b. Mohd. Wali, Ketua Pengarah, Unit Perancangan Sosio-Ekonomi dalam buku *Socio-Economic Study of Rubber Estate Workers*, Unit Perancangan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur April 1981.

¹¹ Unit Perancangan Sosio-Ekonomi. *Socio-Economic Study of Rubber Estate Workers*, Unit Perancangan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur April 1981.

- b. Mobiliti di antara estet-estet adalah rendah dan hampir 50 peratus daripada mereka telah bekerja di estet yang sama sejak dari 20 tahun yang lalu. Ini adalah disebabkan kerana upah di antara estet tidak banyak berbeza.
- c. Hampir 19.3 peratus daripada tenaga buruh estet tidak menerima pendidikan formal. Ini adalah kerana kemudahan pendidikan yang tidak mencukupi dan kadar keciciran yang tinggi.
- d. Kemudahan bekalan elektrik yang tidak baik.
- e. Purata pendapatan bulanan pekerja estet adalah RM154. Ia adalah berbeza berbanding dengan saiz estet dan status MAPA atau bukan MAPA. Purata pendapatan bulanan bagi estet yang besar adalah RM159, estet pertengahan RM149 dan estet kecil RM144.
- f. Dari segi pendapatan perkapita, 43 peratus isirumah adalah di bawah garis kemiskinan. Ia adalah berbeza dengan angka yang diberikan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, yang menyatakan 38 peratus pekerja estet tinggal di bawah garis kemiskinan.
- g. Pendapatan purata isirumah adalah RM302 jika dibandingkan dengan RM417 bagi isirumah luar bandar seperti yang dinyatakan dalam *Preliminary Report of The Agricultural Census, 1977*.
- h. Oleh kerana pendapatan purata adalah RM302 dan purata perbelanjaan adalah RM299 maka menunjukkan bahawa mereka membelanja segala pendapatan yang diterima. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak berpeluang untuk menyimpan.

Kajian yang dilakukan oleh SERU ini adalah selepas sepuluh tahun perlaksanaan DEB. Kesimpulan daripada penemuan SERU adalah bahawa pekerja-pekerja estet getah adalah ketinggalan dari segi kedudukan sosio-ekonomi mereka. Majoriti daripada pekerja-pekerja di sektor ini adalah terdiri dari masyarakat India.

Walaupun, pekerja estet dikenalpasti sebagai kumpulan sasaran dalam program pembasmian kemiskinan, bukti-bukti yang diperolehi menunjukkan bahawa

faedah yang diperolehi oleh mereka daripada program tersebut adalah tidak mencukupi. Ini dapat dilihat selepas tamatnya DEB, keadaan sosio-ekonomi masyarakat India masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain.

3.2.2. Kemiskinan di Bandar

Keadaan kemiskinan wujud sama ada di bandar atau di luar bandar, tetapi keadaannya lebih serius di kawasan luar bandar jika dibandingkan dengan keadaan di bandar. Golongan termiskin di kalangan kaum India tidak hanya terdiri dari pekerja-pekerja estet yang berpendapatan RM10 hingga RM12 sehari tetapi sebahagian besar kaum India yang tinggal di kawasan-kawasan bandar juga mempunyai pendapatan rendah. Ini termasuk pekerja kilang peringkat bawahan, pekerja di bidang perkhidmatan termasuklah tukang-tukang kebun dan pencuci kain.adalah golongan orang-orang India miskin di bandar. Bagaimanapun kebanyakannya daripada mereka mempunyai pekerjaan yang terjamin dan berpendapatan tetap jika dibandingkan dengan pekerja-pekerja estet.

Dalam kategori bukan pekerja buruh kasar jumlah pekerja-pekerja India sebenarnya telah bertambah tetapi jumlah itu merosot dibandingkan dengan jumlah keseluruhannya. Terkecuali dari kategori pentadbiran dan pengurusan-pengurusan, pekerja-pekerja keturunan India dalam kategori lain telah meningkat sedikit dari segi jumlah dan peratusan.¹²

Taburan penduduk India Selangor dan Wilayah Persekutuan sahaja melebihi satu pertiga daripada jumlah penduduk India di Malaysia. Jumlah penduduk di negeri-negeri ini merangkumi 35.04 peratus. Dalam tahun 1980 jumlah ini adalah

¹² Sila lihat Lampiran 1, Para 28.

33.75 peratus. Data terbaru menunjukkan peningkatan kepada 43.5 peratus. Adalah diandaikan jumlah ini akan terus meningkat di masa depan.

Jadual 3.3 menunjukkan jumlah penduduk di bandar mengikut kaum. Adalah didapati daripada jadual tersebut, terdapatnya peningkatan dalam penghijrahan penduduk ke bandar oleh semua kaum. Ini adalah kerana beberapa faktor-faktor hasil daripada perkembangan sosio-ekonomi negara. Penghijrahan masyarakat luar bandar ke bandar telah menyebabkan peningkatan masalah kemiskinan di bandar. Di antara faktor-faktor lain yang turut meningkatkan bilangan masyarakat miskin India miskin di bandar adalah kemasukan buruh-buruh asing dari negara jiran dan peluang mendapatkan pendidikan tinggi yang terhad.

Jadual 3.3

Semenanjung Malaysia: Taburan Penduduk Bandar Mengikut Etnik dan Kadar Urbanisasi, 1947, 1957, 1970, 1980, 1985 dan 1990

Masyarakat	1947	1957	1970	1980	1985	1990
	Kaw. Bandar %	Kaw. Bandar %	Kaw. Bandar %	Kaw. Bandar %	Kaw. Bandar %	Kaw. Bandar %
Malays	7.3	11.2	14.9	25.4	30.0	35.0
Chinese	31.1	44.7	47.4	56.0	59.2	62.2
Indians	25.8	30.6	34.7	41.2	43.5	46.0
Others	46.2	49.3	40.8	41.6	47.5	43.4
Total	15.9	26.5	28.7	37.5	41.1	44.7

Sumber: Pelbagai Rancangan Lima Tahun Malaysia.

Migrasi dari luar bandar ke bandar di kalangan masyarakat India adalah terdiri daripada muda-mudi. Seperti yang dinyatakan oleh SERU dalam kajian mereka ke atas pekerja ladang getah, purata peratus pekerja estet adalah 38 tahun. Purata umur pekerja estet berumur di bawah 25 tahun adalah 15.6 peratus berbanding dengan 35.2 peratus daripada jumlah tenaga buruh negara.¹³

Malaysia sedang menuju ke arah mencapai Wawasan 2020 iaitu menjadi negara perindustrian menjelang tahun 2020. Ini telah menyebabkan wujud banyak peluang-peluang pekerjaan sama ada pekerja-pekerja mahir atau tidak mahir. Kerajaan melalui Dasar Perindustrian Negara telah berjaya menarik ramai muda-mudi dari luar bandar ke bandar-bandar untuk mencari peluang pekerjaan.

Perkembangan pendidikan negara juga telah menyebabkan ramai belia berhijrah ke bandar untuk mendapatkan pendidikan profesional. Ini adalah kerana keadaan pendidikan di estet serba kekurangan. Ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dibuat oleh SERU mengenai taraf pendidikan pekerja ladang getah seperti Jadual 3.4.¹⁴ Melalui jadual tersebut, adalah didapati bahawa hampir 94.3 peratus daripada responden yang ditemubual sama ada tiada pendidikan atau hanya mendapat pendidikan sehingga Tingkatan 1 - 2. Hampir 50 peratus daripada responden hanya mempunyai pendidikan di antara Darjah 4 hingga 6. Hampir 30 peratus tidak mempunyai pendidikan formal sama sekali.

Perubahan sikap belia-belia masa kini terhadap pekerjaan di sektor perladangan juga telah menyebabkan penghijrahan ke bandar. Pekerjaan di ladang-ladang telah tidak menarik perhatian mereka untuk bekerja di sini kesan daripada peranan media massa dan perkembangan ekonomi negara. Mereka mula sedar

¹³ Unit Perancangan Sosio-Ekonomi. *Socio-Economic Study of Rubber Estate Workers*, Unit Perancangan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur April 1981, ms. vi.

¹⁴ Ibid., ms. 26.

bahawa pekerjaan di sektor perladangan tidak lagi menjamin masa depan mereka. Ini ditambah pula keadaan kemiskinan keluarga mereka telah mendorong mempercepatkan penghijrahan.

Jadual 3.4
Peringkat Pendidikan Responden

Peringkat Pendidikan	Peratus
Tiada Pendidikan	19.3
Pendidikan Rendah: Tadika - Darjah 3	21.8
Darjah 4 hingga 6	48.2
Menengah Rendah: Tingkatan 1-2	5.0
Sijil Rendah Pelajaran (LCE)	4.0
Sijil Pelajaran Malaysia (MCE)	0.4
Tiada Maklumat	1.3
Jumlah (Jumlah Responden)	100.0 (936)

Sumber: *Socio-Economic Study of Rubber Estate Workers*, Kuala Lumpur: Socio-Economic Research Unit, 1981, ms. 26.

Kemasukan buruh-buruh asing terutamanya daripada Indonesia dan Bangladesh adalah satu lagi faktor yang menyebabkan penghijrahan. Buruh-buruh asing ini menerima bayaran yang lebih murah jika dibandingkan dengan buruh-buruh tempatan. Buruh-buruh asing ini menjalankan kegiatan mereka secara kontrak. Melalui cara ini pemilik ladang dapat mengurangkan kos-kos menyediakan tempat tinggal dan lain-lain kemudahan kepada pekerja mereka.

Faktor-faktor di atas telah menyebabkan masyarakat India berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari peluang-peluang pekerjaan yang baru. Ini secara tidak langsung telah menyebabkan wujudnya kemiskinan di bandar-bandar. Kebanyakan daripada golongan miskin di bandar terlibat dengan pekerjaan di peringkat rendah

dalam sektor perlombongan, pembuatan, pembinaan, pengangkutan dan kemudahan awam, perdagangan dan perkhidmatan, penjaja serta pekerja awam berpendapatan rendah.¹⁵ Kebanyakan daripada mereka yang mencari nafkah hidup dalam sektor perkilangan, pembinaan, kemudahan awam, perdagangan, perhubungan dan pengangkutan, perkhidmatan dan lain-lain tinggal di kawasan setinggan.

Satu kajian terhadap kelas pekerja India di bandar oleh Susan Oorjitham menyimpulkan bahawa:

"The majority of urban Indian workers in this study were found to be experiencing extreme economic hardships, particularly enhanced during the period of economic recession. Low incomes, low educational levels, low savings and low occupational mobility are major problems encountered. Apart from increasing their participation in secondary occupations particularly in the informal sector, there seems to be very little these workers can do to improve their economic condition. Among the two category of urban Indian workers, the industrial workers were found to be facing greater economic problems when compared with the public sector workers. This is directly related to the fact that the industrial sector is more dependent on fluctuations in world market conditions. A more general trend further indicates that urban Indian workers are worse off than their plantation counterparts. While plantation workers earn lower incomes, they are nevertheless better off in terms of housing facilities and a lower cost of living. In ethnic terms too urban workers are disadvantaged when compared with their Malay and Chinese counterparts. Urban Malay workers are aided by the State through the NEP, while urban Chinese workers have a greater level of social connectedness through the role of Chinese commercial capital. Thus urban Indian workers have a greater probability of being marginalised into urban poverty groups."¹⁶

Dengan pendapatan yang rendah di bandar, berbanding dengan kos kehidupan yang tinggi maka masyarakat India terus hidup mesarat. Ini bertambah

¹⁵ Kerajaan Malaysia, *Dasar Ekonomi Baru Untuk Pembangunan Negara*. ms. 45.

¹⁶ Oorjitham, Susan K.S. 1993 "Urban Working-Class Indians in Malaysia." *Indian Communities In Southeast Asia*, Eds., Sandhu, K.S. dan A. Mani, ISEAS & Times Academic Press, Singapore, 1993.

rumit dengan ketiadaan tempat tinggal yang sempurna. Kedatangan mereka ke bandar tanpa tempat tinggal yang sesuai serta pekerjaan yang tetap akhirnya memaksa mereka menetap di kawasan setinggan, menumpang di rumah saudara mara atau sahabat handai. Hal ini telah menimbulkan kesesakan dan keadaan hidup yang kurang sihat.

Di kawasan bandar, sejak tahun 70an, masalah perumahan telah menjadi semakin rumit berikutan dengan pertambahan penduduk pada kadar yang pesat. Pada ketika yang sama, harga tanah telah melambung naik. Keadaan sedemikian telah menyebabkan harga rumah semakin meningkat dan adalah dianggarkan hampir 75 peratus dari penduduk bandar yang berpendapatan kurang daripada RM750 sebulan tidak mampu memiliki rumah sendiri. Hanya sebilangan kecil dari golongan berpendapatan rendah ini mampu membeli rumah kos rendah yang dijual dengan harga tidak melebihi RM25,000 seunit. Namun demikian, pembinaan rumah kos rendah ini sangatlah terhad dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan yang sebenar. Tambahan pula masyarakat India terpaksa bersaing dengan kaum lain di dalam mendapatkan rumah kos rendah.

Prestasi penyediaan rumah kos rendah pada keseluruhannya tidak begitu memuaskan kerana projek ini tidak berdayamaju dari segi komersial dan beban subsidiinya adalah terlalu tinggi jika penyediaanya dikendalikan oleh sektor awam tanpa melibatkan pemberian milik tanah dan penyediaan kemudahan prasarana oleh pihak kerajaan sendiri. Manakala itu sektor swasta tidak berminat menyediakan rumah kos rendah seperti yang diarahkan oleh kerajaan. Taraf kelayakan untuk membeli atau menyewa unit-unit seumpamanya ini adalah berdasarkan kepada pendapatan isirumah bulanan sebanyak RM500. Ini bermakna sebilangan besar masyarakat India di bandar tidak mampu menikmati kemudahan perumahan yang sempurna.

Menurut sumber rasmi, kadar kemiskinan di bandar telah beransur turun dari 1970 hingga 1987. Walau bagaimanapun, pengukuran kadar kemiskinan yang digunakan adalah berdasarkan ukuran Garis Pendapatan Kemiskinan yang sama digunakan untuk bandar atau luar bandar. Ini tidak memberi gambaran sebenar kerana kos hidup yang berbeza di bandar dan luar bandar.

3.3. Penyusunan Semula Masyarakat

Ketidakseimbangan mula wujud selepas kedatangan penjajah lebih seratus tahun dahulu. Penjajah melalui sistem ekonomi penjajahan (colonial economy) telah dibentuk semata-mata untuk memenuhi kepentingan mereka. Ekonomi penjajah adalah terdiri dari estet-estet, lombong-lombong dan perdagangan antarabangsa. Dasar ini juga dikenali sebagai dasar pecah dan perintah di mana kaum Bumiputera dibiarkan di luar bandar dan kaum bukan bumiputera di bandar-bandar.

Dua aspek dalam DEB dari segi penyusunan semula masyarakat, adalah untuk mencapai keseimbangan etnik dalam berbagai bidang pekerjaan dan menambahkan bahagian Bumiputra yang kecil dalam penguasaankekayaan negara ke satu tahap yang menghampiri nisbah taburan penduduk semasa mengikut kaum.

Kerajaan melalui DEB telah menuahkan banyak perusahaan awam yang bertindak sebagai agensi amanah bagi pihak Bumiputera menerusi penglibatan aktif kerajaan dalam aktiviti bercorak komersial dan perindustrian buat jangkamasa tertentu sehingga Bumiputera bersedia untuk bersaing bersendirian. Di antara agensi-agensi yang telah berjaya memainkan peranan mereka adalah PERNAS, MARA, PNB, UDA dan PKEN. Walaupun begitu, terdapat banyak agensi-agensi kerajaan yang mengalami kerugian.

Tujuan DEB adalah untuk mewujudkan peluang-peluang yang memadai dengan satu pembahagian pembangunan atau kekayaan negara yang lebih adil kepada semua kaum. Ini terutamanya terhadap mereka yang kurang menerima keuntungan daripada pertumbuhan ekonomi negara.¹⁷ Boleh dikatakan bahawa sebahagian besar daripada kaum India telah tidak memperolehi keuntungan yang sepatutnya seperti yang dijangkakan daripada proses penyusunan semula masyarakat. Kebanyakan daripada mereka telah diabaikan oleh kerajaan secara tidak langsung dalam rancangan DEB.

3.3.1. Pendapatan

Untuk melihat sama ada DEB telah berjaya dalam meningkatkan pendapatan semua kaum terutamanya masyarakat India, kajian akan dibuat dengan menganalisa penyelidikan yang telah dilakukan oleh Yukio Ikemoto.¹⁷ Dalam kajiannya, beliau menggunakan data-data dari Household Budget Survey (HBS) untuk kajian tahun 1957/58, data Post Enumeration Survey (PES) bagi kajiannya untuk tahun 1970 dan data tahun 1980 adalah berasaskan Labour Force/Household Income Survey (LFS) yang melibatkan pendapatan tahun 1979.¹⁸

Pada tahun 1957/58, purata pendapatan masyarakat India di kawasan luar bandar adalah RM213.50 sebulan manakala di kawasan bandar adalah RM225.50 sebulan.¹⁹ Pada tahun 1970, purata pendapatan masyarakat India di kawasan luar bandar adalah RM234.10 dan kawasan bandar adalah RM441.60 sebulan.²⁰ Dalam

¹⁷ Yukio Ikemoto, "Income Distribution in Malaysia: 1957-1980", *The Developing Economies*, XXIII-4 (December 1985).

¹⁸ Ibid., ms. 349.

¹⁹ INSAN, *Sucked Oranges: The Indian Poor In Malaysia*, INSAN, Petaling Jaya, 1989, ms. 2.

²⁰ Ibid.

tahun 1979, purata pendapatan masyarakat India adalah RM756.00 sebulan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5.

Jika garis kemiskinan ditetapkan pada RM280 di kawasan luar bandar bagi tahun 1970, kita akan dapati bahawa hampir 80% daripada masyarakat India di kawasan luar bandar tinggal di bawah paras kemiskinan. Begitu juga jika garis kemiskinan di kawasan bandar adalah RM390 pada tahun 1970, hampir 70 peratus daripada masyarakat India bandar adalah miskin²¹ (sila lihat Jadual 3.5).

Sejak dari tahun 1957/58 hingga 1980, data yang diperolehi menunjukkan terdapat peningkatan pendapatan isirumah masyarakat India. Walau bagaimanapun, kita juga perlu mengambil kira bahawa harga telah meningkat hampir 80% dari tahun 1970 hingga 1980. Oleh sebab itu angka tersebut hanya menunjukkan peningkatan sebenar pendapatan bulanan isirumah masyarakat India.

Rancangan Malaysia Keempat, menyatakan bahawa pada tahun 1976, 75.5 peratus daripada isirumah miskin di Semenanjung Malaysia adalah terdiri dari orang Melayu berbanding dengan 15.9 peratus bagi orang Cina dan 7.8 peratus bagi orang India. Manakala kadar kemiskinan di kalangan orang-orang Melayu ialah 46.4 peratus, Cina 17.4 peratus dan India 27.3 peratus.²² Kenyataan di atas menunjukkan bahawa kadar kemiskinan masyarakat India dalam tahun 1976 berada pada tempat kedua selepas masyarakat Melayu. Isirumah miskin masyarakat India di Semenanjung Malaysia adalah 7.8 peratus iaitu bersamaan dengan 53,800 orang seperti yang dinyatakan dalam laporan tersebut. Jumlah ini adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan jumlah penduduk masyarakat India di Semenanjung Malaysia pada tahun 1975 iaitu lebih kurang 1.1 juta orang di mana 418,000 (37.8

²¹ Ibid.

²² Malaysia, *Rancangan Malaysia Keempat, 1980-85*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1981.

peratus) orang tinggal di bandar dan 688,000 (62.2 peratus) tinggal di luar bandar.²³

Walau bagaimanapun, laporan tersebut tidak menyatakan garis kemiskinan yang digunakan untuk mengambil kira angka tersebut. Melalui angka di atas dapat dikatakan hampir 62.2 peratus dari masyarakat India tinggal di estet-estet pada tahun 1975 dalam keadaan yang miskin.

Tingkat pendapatan penduduk dalam kumpulan empat puluh peratus terendah (Ini merupakan kumpulan 40 % terendah isirumah dari segi agihan saiz pendapatan) dalam agihan saiz pendapatan di Semenanjung Malaysia yang merupakan sebahagian besar dari penduduk miskin telah bertambah baik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.7.²⁴ Walau bagaimanapun, dengan peningkatan harga barang akibat inflasi, pendapatan yang diperolehi ini tidak menunjukkan peningkatan dalam taraf hidup. Ini adalah kerana dengan harga barang yang mahal, penguna terpaksa membayar lebih untuk mendapatkan barang keperluan harian mereka.

Jadual 3.5
Semenanjung Malaysia: Mean Pendapatan Bulanan Isirumah India (RM)

Menurun	1957/58		1970		1979
	Luar Bandar	Bandar	Luar Bandar	Bandar	
Bawah	52.3	40.2	41.6	49.1	86.6
ke 2	116.4	91.3	95.8	114.5	213.1
ke 3	138.2	112.0	119.7	145.7	292.9
ke 4	158.1	131.5	142.6	176.1	376.6
ke 5	178.3	151.9	166.9	202.2	471.8
ke 6	200.4	174.6	194.2	248.4	587.2
ke 7	226.1	214.6	227.4	335.4	736.9
ke 8	259.0	280.6	271.6	471.1	952.2
ke 9	305.7	382.8	369.4	771.4	1331.5
Atas	500.4	675.6	711.4	1902.3	2511.2
Semua	213.5	225.5	234.1	441.6	756.0

Sumber: Yukio Ikemoto, "Income Distribution In Malaysia: 1957-1980", *The Developing Economies*, XXIII-4 (December 1985) ms. 350.

²³ Malaysia, *Midterm Review Of The Third Malaysian Plan*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1979. ms. 61.

²⁴ *Rancangan Malaysia Keempat*, ms. 41.

Jadual 3.6

Semenanjung Malaysia: Taburan Penduduk India (Bandar/Luar Bandar)
1970, 1975 dan 1980 ('000)

	Bandar	Luar Bandar	Jumlah
1970	338 (34.6%)	640 (65.4%)	978 (100%)
1975	418 (37.8%)	688 (62.2%)	1,106 (100%)
1980	508 (41.0%)	731 (59.0%)	1,239 (100%)

Sumber: *Mid Term Review Of The Third Malaysia Plan*, 1976-1980, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur 1979; *Fourth Malaysia Plan*, ms. 79.

Nota: Kawasan Bandar adalah didefinisikan kawasan yang mempunyai penduduk 10,000 orang dan lebih.

Jadual 3.7

Semenanjung Malaysia: Pendapatan Purata Bulanan Isirumah Kumpulan Empat Pulau Peratus Terendah bagi tahun 1970, 1976 dan 1979.

	1970 (RM)	1976 (RM)	1979 (RM)	1971-76 (%)	1971-79 (%)
Melayu	56.76	101.95	140.35	10.3	10.6
Cina	35.93	247.27	280.11	10.5	8.4
India	112.48	197.21	263.43	9.8	9.9
Lain-lain	44.72	107.08	154.37	15.7	14.8
Jumlah	75.90	142.19	186.19	11.0	10.5

Sumber: Pelbagai Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua, Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Keempat, Kuala Lumpur.

Jadual 3.8
Semenanjung Malaysia: Purata Pendapatan Isirumah Mengikut Kumpulan Etnik,
1970-87 (RM sebulan) Mengikut Harga Semasa

	1970	1973	1976	1979	1984	1987
Semua Kumpulan Etnik	423	502	566	693	1095	1074
Bumiputera	276	335	380	492	852	868
Cina	632	739	866	938	1502	1430
India	478	565	592	756	1094	1089

Sumber: Malaysia, *Fourth Malaysian Plan, 1981-85 and Mid-Term Review of the Fifth Malaysia Plan, 1986-90.*

Jadual 3.8 menunjukkan jurang ketidakseimbangan pendapatan di antara Bumiputera dengan bukan-bumiputera masih luas. Perbezaan min pendapatan Bumiputera dengan India adalah RM221 pada tahun 1987 di mana telah meningkat dari RM202 pada tahun 1970. Walau bagaimanapun, definisi pendapatan perlu mengambil kira kedudukan sosial ekonomi pelbagai kaum dan kumpulan kerja. Misalnya, kos perbelanjaan di bandar adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan luar bandar. Pola ketidaksamaan ini wujud di kota dan di desa serta di kalangan semua kumpulan etnik. Dalam hal ini, sementara jurang pendapatan di antara kumpulan etnik telah berkurangan, jurang pendapatan di dalam setiap kumpulan etnik kelihatan semakin meluas. Ukuran ketidakseimbangan mengikut angkali Gini bagaimanapun telah menunjukkan semua jurang ketidaksamaan pendapatan menurun.

Pendapatan untuk tahun-tahun 1980an, jika dilihat pada Rancangan Malaysia Kelima, min pendapatan isirumah untuk golongan India adalah RM494 pada tahun 1984. Min pendapatan ini adalah lebih kurang sama dengan min pendapatan

isirumah golongan Bumiputera. Pada tahun 1983, 53 peratus dari isirumah miskin adalah terdiri dari pekebun kecil getah, penanam padi dan pekerja estet. Masyarakat India yang kebanyakannya adalah pekerja estet termasuk dalam kumpulan miskin ini. Data yang dikeluarkan oleh kerajaan menunjukkan kumpulan yang terlibat dalam aktiviti pertanian di luarbandar adalah terdiri daripada kumpulan termiskin di negara ini. Sektor pertanian adalah merangkumi pekebun kecil getah dan kelapa sawit, pekebun kecil kelapa, pesawah padi, pekebun sayur dan buah-buahan, penternak dan nelayan. Masalah ekonomi utama dalam sektor ini adalah berhubung kait dengan masalah tanah, kredit, pemasaran, daya pengusahaan, input pertanian dan pencemaran alam sekitar. Pendapatan purata di kalangan mereka yang miskin ini adalah dalam lingkungan RM220-RM250 sebulan sahaja. Mengikut angka yang dikeluarkan, kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah ialah sebanyak 40 peratus pada tahun 1987, sementara di kalangan penanam padi pula ialah 50.2 peratus dan nelayan 24.5 peratus.

Pekebun kecil dan pekerja di ladang dan lombong yang terlibat dalam komoditi yang bergantung kepada pasaran dunia, keadaan kemiskinan mereka sering terancam dengan ketidakstabilan harga komoditi eksport. Apabila paras harga komoditi tinggi, kadar kemiskinan menurun, dan apabila harga tersebut jatuh maka kadar kemiskinan akan kembali naik. Kejatuhan harga getah, kelapa sawit dan lada hitam boleh menyebabkan kejatuhan pendapatan beratus ribut orang pekebun kecil dan pekerja ladang. Di antara tahun 1980 hingga 1983, kadar kemiskinan dikalangan pekerja ladang telah meningkat daripada 35 peratus kepada 58 peratus berikutan kemerosotan harga getah. Pendapatan golongan ini adalah rendah dan banyak bergantung kepada keadaan pasaran yang tidak menentu dan boleh berubah mengikut keadaan ekonomi dalam dan luar negeri. Disebabkan keadaan mereka yang bergantung pada keadaan ekonomi semasa, dalam keadaan ekonomi meleset mereka menjadi kumpulan yang menghadapi masalah yang paling teruk.

Kemiskinan yang wujud di kalangan pekerja-pekerja ladang adalah berterusan. Ini adalah diakibatkan oleh upah yang diterima oleh mereka rendah khususnya apabila dibandingkan dengan kadar inflasi. Purata upah bulanan sebenar iaitu jumlah upah tolak kenaikan kos kehidupan, tidak naik (atau naik sedikit saja) dalam masa 20 tahun kebelakangan ini di estet getah dan kelapa sawit (sila lihat Jadual 3.9).

Pendapatan yang diagihkan sebagai upah masih rendah di sepanjang tahun. Bagi tempoh 1960-81, perangkaan daripada Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa kenaikan daya pengeluaran pekerja ladang telah jauh melebihi kenaikan upah. Bagi tempoh tersebut, walaupun daya pengeluaran ladang getah telah naik dari 2,247 kilo bagi seorang pekerja dalam tahun 1960 kepada 5,083 kilo bagi seorang pekerja pada tahun 1981, malangnya upah sebenar seorang pekerja telah merosot dari RM3.40 sehari dalam tahun 1960 kepada RM3.14 sehari pada tahun 1981. Di antara sebab berlakunya adalah kerana keengganan majikan untuk menggantikan sistem bayaran upah harian dan pengaliran masuk buruh-buruh asing. Perkara ini telah mengekalkan kadar upah di ladang pada paras yang sama selama lebih dua dekad.

Pada tahun 1987 kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia ialah 17.3% manakala bagi bandar adalah 8.1% dan luar bandar adalah 22.4%. Menurut laporan *Rancangan Malaysia Keenam*, dalam tempoh separuh penggal kedua *Rancangan Malaysia Kelima*, pendapatan isirumah 40 peratus terendah, yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar, meningkat dengan kadar yang lebih cepat berbanding

Jadual 3.9
Malaysia: Kadar Upah di Ladang-Ladang Getah, 1973-1991
(Purata)

Tahun	Mando/ Kapala	Penoreh Getah	Perumput	Penyembur Racun	Pekerja Kilang	Jumlah Pekerja
1973	165	149	77	111	113	191,760
1974	201	195	100	121	136	193,160
1975	191	139	92	121	132	187,250
1976	230	212	126	160	178	178,930
1977	201	197	120	164	161	174,900
1978	243	220	127	154	179	177,270
1979	261	254	146	145	207	170,670
1980	300	259	169	224	225	167,210
1981	331	266	171	224	234	164,620
1982	340	267	188	253	302	148,294
1983	368	279	189	237	276	135,440
1984	334	233	191	-	187	-
1985	365	279	204	-	256	134,372
1986	362	293	207	-	262	121,963
1987	504	289	233	-	257	115,091
1988	491	333	268	-	353	113,546
1989	462	314	227	278	265	108,477
1990	436	336	250	255	288	101,808
1991	431	347	263	335	324	-

Sumber: *Annual Survey of Employment and Wages*, Ministry of Labour and Manpower.

Buku Maklumat Perangkaan, Jabatan Statistik Malaysia.

dengan kumpulan lain sementara kadar kemiskinan di kalangan isirumah termasuk isirumah luar bandar telah berkurangan dengan banyaknya.²⁵ Menurut laporan itu lagi, kemajuan ini adalah hasil dari usaha-usaha masa lalu bagi meningkatkan pencapaian pendidikan dan keupayaan golongan miskin untuk merebut peluang-peluang yang dihasilkan oleh pertumbuhan ekonomi.²⁶ Peluang-peluang yang terhasil akibat dari pertumbuhan ekonomi yang pesat telah membolehkan golongan yang miskin merebut peluang-peluang yang lebih baik untuk menambah pendapatan

²⁵ Malaysia. *Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1991, ms. 11.

²⁶ Ibid.

dan pekerjaan dengan peningkatan mobiliti tenaga buruh. Penduduk luar bandar khususnya, boleh memasuki pasaran buruh di bandar-bandar. Mereka tidak perlu bergantung semata-mata terhadap sumber pendapatan tradisional sahaja.

Secara keseluruhannya pendapatan purata isirumah telah meningkat pada kadar 2.7 peratus setahun dalam tempoh tersebut. Bahagian pendapatan isirumah 40 peratus terendah bagi semua kumpulan etnik telah bertambah daripada 12.8 peratus kepada 14.5 peratus di Semenanjung Malaysia.²⁷

Dari segi perbezaan pendapatan antara kaum, nisbah pendapatan purata Bumiputera berbanding dengan masyarakat Cina di Semenanjung juga telah meningkat daripada 56.7 peratus dalam tahun 1985 kepada 58.8 peratus dalam tahun 1990. Pada masa yang sama, nisbah bagi masyarakat India berbanding dengan masyarakat Cina juga bertambah baik iaitu daripada 72.8 peratus kepada 75.9 peratus.²⁸ Laporan itu menekankan bahawa walaupun kedudukan sosio-ekonomi semua kumpulan etnik telah bertambah baik, kedudukan beberapa golongan tertentu di kalangan masyarakat Bumiputera, seperti Orang Asli dan beberapa suku kaum di Sabah dan Sarawak, dan masyarakat India di dalam masyarakat bukan Bumiputera masih ketinggalan.²⁹ Ini jelas menunjukkan kerajaan mengakui bahawa masyarakat India masih ketinggalan jika dibandingkan dengan Bumiputera dan masyarakat Cina. Di dalam kumpulan bukan Bumiputera pula masyarakat India masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum lain dalam kumpulan yang sama.

Dengan pendapatan golongan India yang berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak negatif 0.9% dalam tempoh 1985-87,³⁰ mereka akan menjadi

²⁷ Ibid., ms. 12.

²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid.

³⁰ Malaysia. *Mid-term Review of the Fifth Malaysia Plan*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1989, ms. 39.

masyarakat yang termiskin di Malaysia. Kajian oleh Susan Oorjitham mengenai pekerja golongan India di bandar-bandar menunjukkan bahawa 89.5% daripada pekerja-pekerja India di bandar menerima purata gaji RM500 sebulan.³¹

Dalam *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima* dinyatakan bahawa min pendapatan bulanan isi rumah bagi golongan 40% yang termiskin di kalangan masyarakat India adalah RM322 pada tahun 1984, hanya 17% daripada min pendapatan bulanan isi rumah bagi 20% yang terkaya di kalangan masyarakat India. Angka ini tidak berubah banyak apabila ia dibandingkan dengan angka RM325 pada tahun 1987.

Bagi masyarakat India yang tinggal di bandar-bandar, mereka mempunyai pendapatan rendah. Kebanyakan mereka bekerja sebagai pekerja kilang peringkat bawahan yang memberikan pendapatan yang rendah. Bagaimanapun kebanyakannya daripada mereka mempunyai pekerjaan yang tetap dan terjamin jika dibandingkan dengan pekerja ladang. Di antara bidang perkhidmatan yang diceburi oleh masyarakat India di bandar-bandar adalah tukang-tukang kebun dan pencuci kain. Selain daripada itu ada juga yang bekerja sebagai buruh-buruh kasar. Perubahan tenaga buruh India dari estet ke bandar tidak banyak memberi kesan kepada struktur sosio-ekonomi masyarakat India.

Jadual 3.10 mencerminkan penglibatan pekerjaan dalam syarikat-syarikat berhad di Malaysia mengikut kaum. Kumpulan gaji atau upah bagi kaum India yang mempunyai peratusan tinggi adalah dalam lingkungan RM200 - RM399 sebulan iaitu 28.82 peratus. Ini diikuti pula dengan gaji di bawah RM100 sebulan adalah 27.47 peratus. Bagi kumpulan gaji yang mempunyai peratusan penglibatan yang

³¹ Oorjitham O. *Urban Indian Working Class in Malaysia: Problems and Prospects*. Malaysian Social Science Association, Kuala Lumpur, 1986.

Jadual 3.10
**Malaysia: Pekerjaan dalam Syarikat-syarikat Berhad yang Menjalankan Usahanya di
 Malaysia Mengikut Bangsa dan Kumpulan Gaji/Upah**

Kumpulan Gaji/Upah (RM sebulan)	Bumiputera	Cina	India	Lain-Lain	Bukan Wargenegara Malaysia	Jumlah
RM4,000 dan lebih sebulan %	2,592 22.75	5,801 50.91	582 5.11	205 1.80	2,215 19.44	11,395 100.00
RM2,000 - RM3,999 sebulan %	7,367 27.73	15,884 59.79	1,470 5.53	549 2.07	1,297 4.88	26,567 100.00
RM1,200 - RM1,999 sebulan %	12,808 32.20	24,920 58.76	2,992 7.06	803 1.89	886 2.09	42,409 100.00
RM1,000 - RM1,199 sebulan %	7,427 31.29	13,032 54.91	2,386 10.05	457 1.93	433 1.82	23,735 100.00
RM800 - RM999 sebulan %	13,979 36.14	19,021 49.17	4,395 11.36	850 2.20	438 1.13	38,683 100.00
RM600 - RM799 sebulan %	31,181 42.03	29,591 39.89	10,754 14.50	1,804 2.43	854 1.15	74,184 100.00
RM400 - RM599 sebulan %	72,997 48.83	43,813 29.31	27,019 18.07	2,914 1.95	2,763 1.85	149,506 100.00
RM200 - RM399 sebulan %	117,989 49.69	37,755 15.90	68,432 28.82	4,059 1.71	9,223 3.88	237,458 100.00
RM100 - RM199 sebulan %	26,120 56.78	3,422 7.44	9,270 20.15	2,014 4.38	5,180 11.26	46,006 100.00
Dibawah RM100 sebulan %	1,582 45.36	547 15.68	958 27.47	229 6.57	172 4.93	3,488 100.00
Jumlah	294,042 45.00	193,786 29.66	128,258 19.63	13,884 2.12	23461 3.59	653,431 100.00

Sumber: Malaysia, *Perangkaan Utama Mengenai Kepunyaan dan Penyertaan di dalam Perdagangan dan Perusahaan Malaysia 1986*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Negara, 1990.

Nota: Bagi syarikat-syarikat yang mempunyai hasil RM5 juta dan lebih.

rendah oleh kaum India adalah pada paras gaji RM4,000 dan lebih adalah 5.11 peratus.

3.3.2. Gunatenaga

Gunatenaga boleh dibahagikan kepada gunatenaga mengikut pekerjaan dan sektor. Gunatenaga mengikut pekerjaan akan melihat jenis pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang individu antara lain adalah seperti profesional, perkhidmatan, pekeranian dan lain-lain. Jenis-jenis pekerjaan yang dijalankan adalah salah satu faktor penting yang akan memastikan seseorang itu dapat keluar daripada putaran ganas kemiskinan. Jenis pekerjaan yang dilakukan akan menentukan tingkat pendapatan yang akan diterima. Sementara itu, gunatenaga mengikut sektor adalah seperti di sektor perladangan, perusahaan, pembinaan, perdagangan dan lain-lain. Gunatenaga mengikut sektor juga penting dikaji untuk melihat penglibatan masyarakat India sama ada di sektor-sektor yang produktif atau tidak produktif.

Pada masa zaman penjajahan British, masyarakat India kebanyakannya bekerja di ladang-ladang sejak dari beberapa keturunan dan pola ini masih lagi berterusan walaupun setelah negara mencapai kemerdekaan lebih daripada 38 tahun. Dasar Ekonomi Baru juga telah menekankan untuk mengubah identiti kaum mengikut pekerjaan. DEB yang diperkenalkan oleh kerajaan yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat adalah kerana jenis-jenis aktiviti ekonomi yang dijalankan adalah tidak sama dari segi pulangan yang diterima. Sebagai contoh, pekerja-pekerja ladang dan petani menerima pendapatan atau upah yang rendah berbanding dengan mereka yang melibatkan diri dalam perniagaan atau sektor perindustrian. Oleh sebab itu kerajaan telah campur tangan dalam ekonomi negara untuk membahagikan kekayaan negara sama rata.

Jangkamasa selepas tamatnya DEB, sedikit sebanyaknya telah berjaya mengubah identiti kaum mengikut pekerjaan jika sebelum DEB kebanyakan masyarakat India tertumpu di ladang-ladang, Cina menjalankan perniagaan dan

Melayu sebagai petani. Pada hari ini, adalah didapati bahawa penglibatan masyarakat India di ladang-ladang semakin menurun. Masyarakat Melayu juga telah berjaya dalam bidang perdagangan dan ramai yang telah menjadi usahawan yang berjaya.

Jadual 3.11 menunjukkan gunatenaga mengikut pekerjaan bagi kaum India. Dari tahun 1970 hingga 1980 kebanyakannya penglibatan masyarakat India adalah dalam sektor pertanian. Pekerjaan pertanian merangkumi pengurus dan penyelia ladang, peladang dan petani, pekerja pertanian dan penternak, pekerja perhutanan, nelayan, pemburu dan pekerja-pekerja yang berkaitan. Pekerjaan pertanian masyarakat India telah meningkat daripada 123,700 orang dalam tahun 1970 kepada 163,900 orang dalam tahun 1980. Jumlah pekerja India dalam pekerjaan pertanian mula menurun selepas tempoh tersebut kepada 158,600 dalam tahun 1985 dan adalah dijangkakan akan terus menurun kepada 111,800 dalam tahun 1995.

Gunatenaga mengikut pekerjaan yang kedua terbesar bagi masyarakat India adalah dalam sektor pembuatan. Mereka yang terlibat dalam pekerjaan pembuatan adalah terdiri daripada penyelia pengeluaran dan fomen am, pelombong, pekerja kuari, penggerudi telaga, pemandu kenderaan bermotor dan pekerja-pekerja yang berkaitan. Kebanyakan pekerjaan ini adalah adalah pekerjaan am dan bawahan. Dalam tahun 1970, penglibatan masyarakat India dalam pekerjaan pembuatan adalah 74,400 orang dan jumlah ini terus meningkat dari tahun ke setahun kepada 248,600 orang dalam tahun 1993.

Daripada Jadual 3.11, adalah didapati dalam tahun 1970 hingga 1980, majoriti daripada masyarakat India terlibat dalam pekerjaan pertanian jika dibandingkan dengan pekerjaan pengeluaran. Tetapi bermula daripada tahun 1985, pekerjaan pengeluaran telah mengatasi pekerjaan dalam pertanian. Adalah dijangkakan pada tahun 1995, penglibatan masyarakat India dalam pekerjaan

pengeluaran meningkat kepada 284,800 orang berbanding dengan 111,800 orang pekerja dalam pertanian. Sektor pertanian yang kurang produktif telah mula ditinggalkan secara perlahan-lahan dan sektor pengeluaran yang lebih produktif semakin mula dimasuki oleh pekerja-pekerja India. Perubahan ini mungkin diakibatkan kerana kurangnya ladang-ladang yang beroperasi dan pengambilan buruh-buruh kontrak dari luar negeri terutamanya dari Indonesia yang lebih murah. Ini telah menyebabkan pekerja-pekerja India mula berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari peluang-peluang pekerjaan yang baru.

Jadual 3.11
Kaum India: Gunatenaga Mengikut Pekerjaan ('000)
1970-95

Pekerjaan ¹	1970	1975	1980	1985	1990	1993	1995
Profesional & Teknik ²	14.8	20.8	29.7	39.8	45.8	51.9	56.9
Guru & Jururawat	-	-	9.8	10.9	14.2	16.7	18.7
Pentadbiran & ³ Pengurusan	2.4	3.0	2.5	3.1	7.0	9.8	12.4
Perkeranian ⁴	24.5	23.1	31.2	36.1	57.0	57.2	57.3
Jualan ⁵	28.7	31.4	31.5	30.0	54.6	58.9	61.0
Perkhidmatan ⁶	32.9	39.4	41.8	51.1	74.2	79.8	86.3
Pertanian ⁷	123.7	147.6	163.9	158.6	149.7	125.8	111.8
Pengeluaran ⁸	74.4	112.2	138.5	177.5	200.5	248.6	284.8
Jumlah	301.4	377.5	439.1	496.2	588.8	632.0	670.5

Sumber: Malaysia (1981) *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, ms. 59.
 Malaysia (1986) *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, ms. 104.
 Malaysia (1994) *Kajian Separuh Penggal: Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, ms. 72.

Nota: ¹ Pengelasan pekerjaan adalah berdasarkan kepada Kamus Pengelasan Pekerjaan (DOC), Kementerian Buruh, 1980.

² Termasuk pekerjaan-pekerjaan seperti akitek, akauntan, juruaudit, jurutera, doktor, doktor pergigian, doktor pembedahan veterinar, jurukur, peguam dan termasuk guru dan jururawat.

³ Termasuk pegawai dewan undangan, pentadbir Kerajaan dan pengurus.

⁴ Termasuk penyelia perkeranian, pegawai eksekutif Kerajaan, jurutaip, penyimpan akaun, juruwang, operator telefon dan operator telegraf.

⁵ Termasuk pengurus (perdagangan borong dan runcit), penyelia jualan dan pembeli, jurujual teknik, jurujual kembara dan ejen pengilang.

⁶ Termasuk pengurus khidmat sajian dan lojing, pemilik bekerja, penyelia rumah dan perkhidmatan yang berkaitan, tukang masak dan pekerja-pekerja yang berkaitan.

⁷ Termasuk pengurus dan penyelia ladang dan petani, pekerja pertanian dan penternak, pekerja perhutanan, nelayan, pemburu dan pekerja-pekerja yang berkaitan.

⁸ Termasuk penyelia pengeluaran dan sferen am, pelombong, pekerja kuari, penggerudi telaga, pemandu kenderaan bermotor dan pekerja-pekerja yang berkaitan.

Dalam pekerjaan pentadbiran dan pengurusan, penyertaan masyarakat India adalah paling rendah dan semakin menurun. Dalam tahun 1970, mereka yang terlibat dalam pekerjaan pentadbiran dan pengurusan adalah sebanyak 2,400 orang dan ia meningkat kepada 3,000 orang pada tahun 1975. Manakala pada tahun 1980, ia menurun kepada 2,500 orang dan meningkat kepada 3,100 orang pada tahun 1985. Peningkatan ini terus berlaku dan adalah dijangkakan pada tahun 1995 jumlah pekerja India dalam pekerjaan ini akan meningkat kepada 12,400 orang. Bagi masyarakat India penglibatan mereka dalam pekerjaan ini adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan Bumiputera dan Cina.

Walaupun kerajaan mewajibkan kuota dalam sesuatu sektor pekerjaan tetapi oleh kerana wujudnya pembahagian kepada Bumiputera dan bukan Bumiputera maka kebanyakan daripada majikan-majikan yang terdiri daripada syarikat-syarikat kepunyaan Cina mengambil tenaga kerja Cina untuk mengisi kuota bukan Bumiputera jawatan-jawatan pengurusan dan pentadbiran jika dibandingkan dengan pengambilan pekerja India walaupun pekerja-pekerja India mempunyai kelayakan-kelayakan dan pengalaman-pengalaman yang diperlukan.

Gunatenaga masyarakat India mengikut sektor seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.12 menunjukkan sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan mempunyai penglibatan kaum India yang tinggi iaitu sebanyak 155,300 orang pada tahun 1985.

Jadual 3.12
Kaum India: Gunatenaga mengikut Sektor ('000)
1985-1995

Sektor	1985	1988	1990	1993	1995
Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan	155.3	173.7	137.3	100.0	81.6
Perlombongan dan kuari	4.2	1.3	3.4	2.5	2.3
Pembuatan	93.3	92.2	148.0	227.0	281.7
Pembinaan	24.7	22.5	24.6	28.8	30.5
Elektrik, gas dan air	6.8	6.7	8.0	6.4	5.5
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	31.7	33.9	45.6	46.0	47.0
Perdagangan borong dan runcil, hotel dan restoran	72.0	71.7	91.4	86.9	85.1
Kewangan, insurance, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	21.0	28.1	25.5	28.6	29.4
Perkhidmatan Kerajaan & perkhidmatan-perkhidmatan lain	95.9	103.0	105.0	108.2	104.9
Jumlah Gunatenaga	504.9	533.1	588.8	632.0	670.5
Tenaga Buruh	543.2	585.5	618.3	649.4	686.3
Pengangguran	38.3	52.4	29.5	17.4	15.8
Kadar Pengangguran (%)	7.0	8.9	4.8	2.7	2.3

Sumber: Kerajaan Malaysia, *Dasar Ekonomi Baru Untuk Pembangunan Negara: Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991.

Untuk melihat secara terperinci penglibatan masyarakat India dalam sektor pertanian, Jadual 3.13 menunjukkan kaum India masih mengekalkan kedudukan mereka sebagai kumpulan etnik terbesar bekerja di semua ladang-ladang semenjak dari tahun 1967 jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Penglibatan mereka dalam sektor ladang adalah stabil bermula dari tahun 1967 iaitu 48 peratus dan mengekalkan peratusan yang sama pada tahun 1980. Jumlah mereka yang bekerja di ladang-ladang berkurangan pada tahun 1970 kerana kebanyakan daripada mereka

telah pulang ke India.³² Pada pertengahan tahun-tahun 1970an wujud kejatuhan yang mendadak dalam gunatenaga di sektor perladangan akibat daripada kejatuhan besar dalam harga getah. Walau bagaimanapun, kedudukan mereka kembali stabil pada akhir tahun-tahun 1970an di mana wujud lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di sektor perladangan.

Jadual 3.13
Semenanjung Malaysia: Gunatenaga Di Semua Ladang-Ladang
Mengikut Kumpulan Etnik
1967-1986

Kaum	1967	1970	1975	1980	1981	1982	1983	1985	1986
Melayu (%)	64,070 (23)	74,279 (27)	98,490 (37.6)	95,830 (38)	92,063 (37.6)	92,249 (37.1)	80,842 (34)	78,832 (34)	68,764 (31.3)
Cina (%)	77,640 (29)	85,648 (31)	54,590 (20.8)	35,500 (14)	34,273 (14.1)	30,419 (12.2)	23,694 (10)	25,827 (11.1)	23,528 (10.7)
India (%)	130,060 (48)	116,703 (42)	107,540 (41.1)	121,120 (47.8)	117,609 (48)	124,114 (50)	128,777 (55)	114,051 (49.1)	99,551 (45.3)
Lain-Lain (%)	800	650	1,120 (0.5)	720 (0.2)	668 (0.3)	1,667 (0.7)	2,286 (1)	13,540 (5.8)	27,882 ((12.7))
Jumlah	272,570	277,280	261,740	253,170	244,613	248,449	235,599	232,250	219,725

Sumber: Pelbagai Laporan Kementerian Sumber Manusia.

Sektor perladangan utama yang diklasifikasikan oleh Kementerian Sumber Manusia adalah getah, kelapa, kelapa sawit, teh, nenas dan koko. Daripada Jadual 3.14 untuk tahun 1986 menunjukkan penglibatan masyarakat India dalam sektor

³² Malaysia, *Laporan Buruh dan Tenaga Rakyat 1983-84*. Kementerian Sumber Manusia, Kuala Lumpur, ms. 30.

perladangan adalah 45.3 peratus. Berdasarkan kepada taburan pekerjaan mengikut jenis-jenis ladang, dalam tahun 1986 sebilangan besar pekerja-pekerja India bekerja dalam ladang getah (63.5 %) dan kelapa sawit (30 %). Penglibatan mereka dalam kedua-dua sektor perladangan ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan kaum Cina dan Melayu.

Jadual 3.14

Semenanjung Malaysia: Gunatenaga Di Ladang-ladang Mengikut Kumpulan Etnik,
1986

Kaum	Getah	Kelapa	Kelapa Sawit	Teh	Nenas	Koko	Jumlah
Melayu	35,684	417	28,398	400	737	3,128	68,764
Cina	17,246	26	5,370	24	417	445	23,528
India	63,246	1,672	29,750	862	8	4,013	99,551
Lain-lain	5,787	14	18,510	172	-	3,399	27,882

Sumber: *Laporan Buruh & Tenaga Rakyat 1985-86*, Kementerian Sumber Manusia.

Jadual 3.15 menunjukkan secara terperinci taburan pekerja di ladang getah mengikut kaum di Semenanjung Malaysia sejak dari tahun 1953 dan adalah didapati bahawa kaum India sejak dari tahun 1953 mengekalkan kedudukan mereka sebagai penyumbang tenaga buruh utama dalam sektor tersebut. Melihat kepada pola pekerjaan di sektor tersebut jumlah pekerja ketiga-ketiga kaum semakin menurun. Walau bagaimanapun, masyarakat India terus mengekalkan kedudukan utama mereka dalam sektor tersebut.

Jadual 3.15
Semenanjung Malaysia: Taburan Pekerja Ladang Getah Mengikut Kaum

Tahun	Jumlah Pekerja	Melayu	Cina	India	Lain-lain
1953	281,390 (100)	50,650 (18)	84,417 (30)	146,323 (52)	-
1954	276,981 (100)	52,626 (19)	83,094 (30)	141,260 (51)	-
1955	278,200 (100)	50,076 (18)	83,460 (30)	144,664 (52)	-
1956	280,210 (100)	53,240 (19)	84,063 (30)	142,907 (51)	-
1957	275,740 (100)	52,390 (19)	79,965 (29)	143,385 (52)	-
1958	281,900 (100)	53,561 (19)	84,570 (30)	143,769 (51)	-
1959	282,510 (100)	56,502 (20)	84,753 (30)	141,255 (50)	-
1960	285,300 (100)	59,913 (21)	85,590 (30)	139,797 (49)	-
1961	285,560 (100)	65,679 (23)	85,668 (30)	134,213 (47)	-
1962	286,220 (100)	65,831 (23)	83,004 (29)	137,386 (48)	-
1963	286,320 (100)	68,717 (24)	80,170 (28)	137,434 (48)	-
1964	275,410 (100)	60,590 (22)	82,623 (30)	132,197 (48)	-
1965	270,160 (100)	62,137 (23)	81,048 (30)	126,975 (47)	-
1966	249,500 (100)	59,880 (24)	77,345 (31)	112,275 (45)	-
1967	231,900 (100)	55,656 (24)	69,570 (30)	106,674 (46)	-
1968	206,680 (100)	47,536 (23)	64,071 (31)	95,073 (46)	-
1969	215,120 (100)	51,629 (24)	64,536 (30)	98,955 (46)	-
1970	226,400 (100)	63,392 (28)	70,184 (31)	92,824 (41)	-
1971	198,690 (100)	63,581 (32)	55,633 (28)	79,476 (40)	-
1972	196,310 (100)	64,782 (33)	51,041 (26)	78,524 (40)	1,963 (1)
1973	191,760 (100)	63,281 (33)	46,022 (24)	80,539 (42)	1,918 (1)
1974	193,160 (100)	63,743 (33)	46,358 (24)	79,196 (41)	3,863 (2)
1975	187,250 (100)	61,793 (33)	44,940 (24)	78,645 (42)	1,873 (1)
1986	121,963 (100)	35,684 (29)	17,246 (14)	63,246 (52)	5,787 (5)

Sumber: Pelbagai Laporan Kementerian Sumber Manusia.

Sektor kedua terbesar penglibatan masyarakat India adalah di sektor perkhidmatan kerajaan dan lain-lain perkhidmatan dan pembuatan melibatkan seramai 95,900 orang dan 93,000 orang masing-masing pada tahun 1985. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan pada tahun 1995, penglibatan masyarakat India

di sektor pertanian akan berkurangan kepada 81,600 orang dan sektor pembuatan akan meningkat kepada 281,700 orang. Sektor pertanian yang dahulunya mempunyai penglibatan masyarakat India yang ramai akan berubah kepada sektor pembuatan. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk menumpukan perhatian kepada sektor pembuatan. Seperti yang dijelaskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-80, yang menggariskan matlamat DEB menyatakan "...sektor pembuatan akan menjadi sektor terpenting dengan kadar pertumbuhannya dijangka mencapai 12.2 peratus setahun, supaya pada tahun 1990, ia menjadi sektor terbesar dengan menyumbang 26.6 peratus kepada KDNK. Dengan itu, ia menggantikan tempat sektor pertanian, yang mana sumbangannya kepada KDNK menurun daripada 32.1 peratus (1970) kepada 19.7 peratus (1990)".³³ Peningkatan ini bukan sahaja berlaku kepada masyarakat India tetapi juga kaum-kaum yang lain. Pada tahun 1993, daripada sejumlah 7,341,000 tenaga kerja di Malaysia, jumlah mereka yang terlibat dalam sektor pembuatan adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 24.2. Ini diikuti pada tempat kedua dengan sektor pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan sebanyak 20.7 peratus.³⁴

Dalam sektor perlombongan dan kuari, penglibatan masyarakat India adalah hanya berjumlah 4,200 orang sahaja bagi tahun 1985. Penglibatan dalam sektor ini semakin berkurangan kepada 1,300 orang pada tahun 1988 dan diikuti kepada 2,300 orang dalam tahun 1995. Ini diakibatkan oleh kejatuhan harga bijih timah antarabangsa dan kebanyakkan daripada sektor ini telah menutup atau mengurangkan pengeluaran mereka.

Kadar pengangguran pada tahun 1985 di kalangan kaum India adalah sebanyak 7.0 peratus jika dibandingkan dengan kaum Cina (5.6 peratus). Manakala

³³ DEPAN, ms. 18.

³⁴ Malaysia, *Buku Maklumat Perangkaan*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994. ms. xviii.

kadar pengangguran di kalangan Bumiputera adalah sebanyak 7.6 peratus. Kadar pengangguran kaum India meningkat kepada 8.9 peratus pada tahun 1988 dan pada tahun 1990 kembali menurun kepada 4.8 peratus. Ini adalah disebabkan oleh perkembangan ekonomi yang telah dicapai oleh kerajaan telah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru. Pada tahun 1995 adalah dijangkakan kadar pengangguran di kalangan masyarakat India adalah pada paras 2.3 peratus sahaja.

Pengangguran yang tinggi di kalangan masyarakat India di sektor perladangan adalah diakibatkan oleh kekurangan peluang pekerjaan dalam sektor tersebut. Jumlah tenaga kerja di sektor ladang telah jatuh kepada kira-kira 35,000 orang daripada sejumlah 157,872 orang dalam bulan Disember 1980 sehingga 1985. Ini adalah disebabkan kerana kemelesetan ekonomi pada tahun 1985. Kehilangan peluang pekerjaan di sektor ladang telah meninggalkan kesan ke atas kemiskinan. Pekerja-pekerja ladang atau estet yang tinggal di pedalaman ketinggalan dari arus pembangunan negara.

Kemerosotan bahagian golongan India di dalam semua sektor dan pekerjaan selepas tahun 1970 menunjukkan objektif kerajaan untuk menyusun semula pekerjaan telah tidak mencapai objektifnya ataupun tidak menerima perhatian yang sewajarnya bagi golongan India. Penglibatan kaum India dalam di dalam pekerjaan baru yang diwujudkan hasil daripada perlaksanaan DEB telah menyebabkan masyarakat India telah tertinggal dari segi hiraki pekerjaan. Mereka terpaksa menduduki hiraki pekerjaan yang rendah. Sektor swasta seharusnya tidak menunjukan bias dari segi pengambilan pekerja India untuk bekerja di firma-firma mereka. Golongan India yang berkelayakan harus diterima diambil bekerja dan diberi kenaikan pangkat yang sewajarnya.

Malah ini dapat dibuktikan menurut Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000, "...bagi kaum India, bahagian mereka dalam beberapa bidang pekerjaan adalah lebih rendah daripada nisbah penduduk mereka. Dalam bidang-bidang pekerjaan di mana penyertaan mereka adalah sangat memuaskan, dari segi mutlak pertambahannya adalah lebih rendah daripada yang dicapai oleh kaum Bumiputera dan Cina. Akibatnya, bahagian kaum India dalam pekerjaan profesional telah menurun secara berterusan sejak 1970."³⁵

Penggunaan tenaga buruh kanak-kanak harus dikawal dengan rapi oleh kerajaan terutamanya di estet-estet. Pekerja-pekerja wanita di sektor ladang dan kilang harus diberi layanan yang saksama dengan lelaki. Kekurangan penawaran tenaga kerja terlatih dalam berbagai bidang adalah punca utama kaum India tidak mendapat pekerjaan yang baik terutamanya dalam bidang profesional. Sebab-sebab yang lain adalah disebabkan kebanyakannya daripada kaum India yang tinggal di luar bandar mempunyai kadar kecinciran yang tinggi dalam bidang pendidikan. Keadaan ini disebabkan oleh berbagai faktor seperti kekurangan kemudahan-kemudahan pendidikan moden dan bermutu, pendapatan keluarga yang rendah, kekurangan makanan berzat dan persekitaran sosial yang tidak sesuai bagi pembelajaran yang berkesan seperti yang akan dibincangkan dengan panjang lebar dalam bahagian seterusnya.

Walaupun DEB telah dilaksanakan sejak 20 tahun yang lepas, ia tidak membawa kemajuan yang berkesan terutamanya kepada struktur pekerjaan masyarakat India. Golongan India masih terus bergiat dalam sektor-sektor yang menjadi tumpuan mereka. Sungguhpun di dalam sektor-sektor di mana penglibatan

³⁵ Malaysia. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1991. ms. 13.

golongan India secara relatif adalah tinggi, golongan India masih menguasai sebahagian besar pekerjaan bawahan.

3.3.3. Penglibatan Dalam Bidang Profesional (Iktisas)

Kaum India secara umumnya terkenal kerana penglibatan mereka dalam bidang-bidang profesional seperti kedoktoran, undang-undang dan lain-lain bidang profesional walaupun jumlahnya adalah kurang. Walaupun begitu, setelah DEB dilaksanakan dan tamat pada tahun 1990, jumlah kaum India dalam bidang iktisas telah beransur merosot. Jumlah akitek, jurukira, jurutera dan jurukur semakin berkurangan. Penurunan ini amat ketara untuk jurutera. Dalam tahun 1970, semasa DEB mula diperkenalkan, 13.5 peratus dari orang India dalam pekerjaan profesional adalah terdiri dari jurutera dan selepas tamatnya DEB dalam tahun 1990 kadarnya telah menurun kepada 5.3 peratus sahaja. Ini bermakna terdapat penurunan sebanyak 8.2 peratus dalam tempoh 20 tahun.

Penglibatan yang amat menggalakkan didapati untuk pekerjaan sebagai doktor haiwan, doktor pergigian dan perubatan dan peguam. Bagi doktor haiwan peratusan telah bertambah dari 15.6 peratus dalam tahun 1970 kepada 46.5 peratus pada tahun 1980 dan kembali menurun kepada 37 peratus dalam tahun 1990. Manakala bagi doktor gigi pula, peratusan mereka telah meningkat daripada 5.1 peratus dalam tahun 1970 kepada 28.4 peratus dalam tahun 1988. Walau bagaimanapun, jumlah doktor, peguam, doktor gigi dan doktor haiwan yang berketurunan India hanya berjumlah 3,619 iaitu 0.6 peratus jika dibandingkan dengan jumlah tenaga kerja India di Malaysia. Majoriti yang lain adalah terdiri daripada pekerja estet dan pekerja bawahan di bandar-bandar.

Jadual 3.16 menunjukkan keahlian kumpulan-kumpulan ikhtisas yang berdaftar bagi masyarakat India dari tahun 1970 hingga 1992. Manakala Jadual 3.17 menunjukkan dalam bentuk peratusan bagi tahun-tahun terpilih. Jika diteliti kepada jadual-jadual tersebut, kadar pertumbuhan doktor gigi telah menurun kepada 5.7 peratus di antara tahun 1980-88 berbanding dengan kadar pertumbuhan di antara tahun 1970-80 iaitu 23.5 peratus. Peratus peguam berketurunan India telah menurun daripada 35.2 peratus dalam tahun 1975 kepada 29.4 peratus dalam tahun 1988. Adalah dianggarkan peratus ini akan terus berkurangan pada tahun-tahun yang akan datang. Peratus yang berkenaan bagi doktor juga telah menurun daripada 40.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 35.7 peratus dalam tahun 1988.

Jadual 3.16
Kaum India: Ahli Profesional Berdaftar,
1970-1992

Profesional	1970	1975	1980	1985	1988	1990	1992
Akitek	4	3	6	10	14	12	14
Akauntan	47	109	105	213	315	346	387
Jurutera	122	162	254	800	885	1,065	1,294
Doktor Gigi	33	131	220	304	361	396	398
Doktor	857	992	1,338	1,887	2,285	2,410	2,526
Doktor Veterinar	3	6	8	203	219	250	260
Peguam	-	361	417	488	503	836	1,148
Jurukur	-	-	27	41	45	48	64
Jumlah	1,066	1,764	2,375	3,946	4,627	5,363	6,091

Sumber: Malaysia, *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1986; *Kajian Separuh Penggal: Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1989 dan *Kajian Separuh Penggal: Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1994, ms. 73.

Jadual 3.17
Kaum India: Ahli Profesional Berdaftar
1970-1990
(Peratus)

	1970	1988	1990
Akitek	1.4	1.5	1.2
Juru Kira-kira	7.9	6.3	6.2
Jurutera	13.5	5.3	5.3
Doktor Gigi	5.1	28.0	23.7
Doktor	40.2	35.0	34.4
Doktor Haiwan	15.6	35.0	37.0
Peguam	35.2	29.0	26.5
Juru Ukur	7.5	5.2	3.7

Sumber: Ringkasan dari *Rancangan Malaysia Keempat*, *Rancangan Malaysia Kelima*, *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat* dan *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima*.

3.4. Pendidikan

Pembangunan dan perkembangan pendidikan adalah sangat penting kepada pembangunan negara. Tanpa pendidikan yang sempurna, negara tidak dapat mencapai kemajuan seperti yang diharapkan dan terpaksa bergantung kepada negara-negara luar untuk bantuan. Adalah terbukti negara-negara Dunia Ketiga yang tidak mementingkan atau mencapai pendidikan yang diharapkan telah ketinggalan dari segi pencapaian dan kedudukan ekonomi mereka. Melalui pendidikan sahaja sesebuah negara itu dapat maju. Tanpa pendidikan yang formal negara tidak dapat menghasilkan jurutera-jurutera, doktor-doktor, akauntan dan lain-lain bidang-bidang pekerjaan yang memerlukan kepakaran. Tanpa kehadiran mereka, negara terpaksa bergantung kepada bantuan asing dan terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi dan mematuhi beberapa syarat-syarat yang ditetapkan.

Di Malaysia, walaupun pendidikan tidak diwajibkan tetapi bagi kanak-kanak yang berumur di antara 6 hingga 14 tahun yang ingin bersekolah, sekolah-sekolah kerajaan telah disediakan. Ini bermakna bagi pelajar-pelajar yang ingin mendapatkan pelajaran boleh mendapatinya dari darjah satu hingga darjah enam dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah rendah. Semasa di tingkatan tiga, peperiksaan SRP/PRM akan menjadi penentu kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran bagi menghadapi peperiksaan peringkat menengah tinggi iaitu SPM dan STPM. Sekiranya seseorang pelajar itu gagal pada peperiksaan SPM maka ia tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya. Jika masih ingin melanjutkan pelajaran maka mereka terpaksa berbuat begitu dengan mengeluarkan wang sendiri. Terdapat banyak sekolah-sekolah dan kolej-kolej swasta telah didirikan bagi membolehkan pelajar-pelajar yang gagal mendapat tempat di sekolah-sekolah kerajaan. Banyak wang harus dibelanjakan terutamanya bagi melanjutkan pelajaran di kolej-kolej swasta.

Pendidikan adalah sangat penting jika seseorang itu ingin mencapai kedudukan ekonomi dan taraf hidup yang baik di masa depan. Oleh sebab itu pendidikan adalah satu cara bagi keluarga-keluarga yang miskin untuk keluar dari belenggu kemiskinan atau putaran ganas kemiskinan. Ada keluarga yang berpandangan jauh sanggup melabur dalam pendidikan dengan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah atau kolej-kolej swasta walaupun bayaran yang dikenakan agak tinggi bagi mereka.

3.4.1. Sekolah Tamil di Ladang

Sekolah-sekolah Tamil yang didirikan oleh penjajah British pada masa pemerintahan mereka adalah untuk melatih anak-anak pekerja estet untuk menjadikan mereka menjadi pekerja yang baik. Pendidikan untuk anak-anak buruh

India di estet-estet telah menjadi satu masalah sejak zaman kolonial.³⁶ Sekolah-sekolah ini telah didirikan dengan belas kasihan daripada pemilik-pemilik dan pengurusan ladang. Tanpa belas kasihan mereka tidak mungkin sekolah-sekolah ini dapat didirikan. Sekolah-sekolah ini hanya menghasilkan lebih banyak kanak-kanak yang akan terus bekerja sebagai pekerja ladang. Ia bertindak sebagai agen kawalan sosial yang memastikan kanak-kanak pekerja ladang kekal sebagai pekerja ladang.³⁷ Sejak negara mencapai kemerdekaan, keadaan sekolah-sekolah Tamil masih tidak melihat sebarang pembaharuan walaupun kerajaan telah memperkenalkan DEB yang bertujuan memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi di kawasan pendalaman.

Dalam tahun 1970 menurut statistik kerajaan, terdapat hampir 250,000 pekerja ladang dalam 150,000 isirumah, 45 peratus daripadanya adalah kaum India, diikuti dengan 32 peratus kaum Melayu dan 22 peratus kaum Cina. Pekerja-pekerja ladang ini merangkumi hampir separuh daripada jumlah penduduk India Malaysia. Mereka terdiri daripada majoriti kaum Tamil dan diikuti dengan Telegu dan Melayi. Sebagai generasi-generasi yang baru yang mereka berusaha untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi keluarga mereka. Tetapi oleh kerana keadaan persekitaran ladang-ladang di mana mereka tinggal telah menyebabkan tiadanya motivasi untuk menumpukan perhatian terhadap pelajaran mereka. Ini telah menyebabkan banyak daripada kanak-kanak di sana mudah tercicir. Kanak-kanak pekerja peladang adalah kumpulan yang tidak bernasib baik dalam bidang pendidikan dengan kadar 'drop-out' yang tinggi, pencapaian akademik mereka yang rendah dan menghadiri sekolah yang kecil dan miskin.

³⁶ Lampiran 1, para 83.

³⁷ T.Marimuthu, "Schooling As A Dead-End: Education For The Poor, Especially The Estate Children." Kertas dibentangkan pada seminar Modernisasi dan Keperibadian Budaya-Bangsa, anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia, Universiti Malaya, 12 Januari 1983.

Keadaan di ladang-ladang yang jauh dari bandar-bandar telah menyebabkan pekerja-pekerja ladang yang daif tertinggal mengikuti perkembangan pesat di bandar-bandar. Mereka tidak mengetahui keadaan sebenar kemajuan ekonomi yang dicapai oleh negara dan adanya banyak peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran. Penerangan-penerangan berhubung dengan peluang-peluang pendidikan yang wujud dengan meluas di bandar-bandar tidak sampai kepada ibubapa. Ini adalah salah satu sebab mengapa kebanyakan daripada kanak-kanak kaum India di ladang-ladang tidak mengetahui betapa pentingnya melanjutkan pelajaran dan mendapat kemahiran yang diperlukan.

Beckford, dalam kajiannya menyatakan bahawa:

"It is just not a place of work, it is their whole life.... the plantation is a binding force that welds people on it together. It is unifying. Everyone owes his existence to it. To rebel against it is to threaten one's own survival, for alternative opportunities are normally hard to find... The plantation is a total economic institution. And because it is omnipotent and omnipresent in the lives of those living within its confines, it is a total social institution.³⁸

Kenyataan di atas menunjukkan kesan keseluruhan ladang sebagai satu institusi sosial dan ekonomi terhadap kehidupan pekerja-pekerja ladang. Keadaan persekitaran ladang telah menyebabkan mereka mempunyai interaksi yang kurang dengan masyarakat luar. Kanak-kanak daripada keluarga peladang akan terus dikekalkan menjadi peladang seperti ibubapa mereka.

Keadaan sekolah-sekolah di ladang-ladang tidak mempunyai kurang kemudahan-kemudahan asas seperti bangunan sekolah yang sempurna, bilik darjah yang mencukupi, padang permainan, kemudahan tandas, perpustakaan dan lain-lain

³⁸ Beckford G.L. *Persistent Poverty: Under-Development In Plantation Economics of The Third World*. Oxford University Press, New York, ms. 4-55.

lagi yang sempurna. Bangunan-bangunan sekolah telah usang dan keadaan kebersihan adalah sangat menyedihkan. Sekolah-sekolah itu sebenarnya didirikan bukan dengan niat yang jujur untuk mendidik anak-anak kaum pekerja India tetapi ia bertujuan menghindarkan mereka meninggalkan estet-estet.³⁹ Kemiskinan yang dipaparkan oleh mutu sekolah-sekolah Tamil terutamanya di kawasan ini mencerminkan ketidakprihatinan kerajaan dalam mendidik kanak-kanak kaum India dengan sempurna dan lengkap. Ini seolah-olah membiarkan sekolah-sekolah ini pupus dengan sendirinya. Perkara ini disebabkan oleh adanya dasar kerajaan yang hanya mementingkan sekolah-sekolah kebangsaan dan kebanyakan daripada peruntukan disalurkan kepada sekolah-sekolah kebangsaan oleh Kementerian Pendidikan. Pada masa ini sekolah-sekolah Tamil adalah berbentuk separuh bantuan kerajaan. Peruntukan-peruntukan untuk pendidikan rendah Tamil amat sedikit sekali. Kementerian Pendidikan tidak bersedia mengubah sekolah-sekolah yang terdapat di estet-estet menjadi sekolah-sekolah yang mendapat bantuan penuh Kerajaan.⁴⁰ Semenjak pertengahan tahun 1980an, Perdana Menteri telah menegaskan pentingnya sekolah-sekolah Tamil dipulihkan dan dimajukan. Lebih dari RM3.5 juta telah diperuntukkan untuk memulihkan sekolah-sekolah Tamil. Sekolah-sekolah ini harus diberikan keutamaan kerana ianya adalah titik permulaan untuk kanak-kanak pekerja estet mula mendapat pendidikan awal.

Kualiti guru-guru yang mengajar di ladang-ladang adalah tidak begitu baik jika dibandingkan dengan guru-guru di bandar. Kira-kira 90 peratus dari sekolah-sekolah ini kekurangan guru terlatih dan kemudahan yang sempurna.⁴¹ Ini adalah kerana kebanyakan guru-guru baru tidak begitu berminat untuk mengajar di kawasan pendalamam. Melihat kepada keadaan sekolah yang tidak sempurna dan tiada motivasi daripada guru-guru dan ibubapa menyebabkan kanak-kanak di ladang-

³⁹ Sila Lampiran 1, para 84.

⁴⁰ Lampiran 1, para 91.

⁴¹ Lampiran 1, para 84.

ladang kurang minat untuk belajar. Selepas merdeka mengikut saranan Penyata Pelajaran Razak, sekolah-sekolah Tamil dan Cina telah diubah menjadi sekolah jenis kebangsaan dan dibiayai oleh Kerajaan. Kelayakan untuk guru-guru sekolah Tamil adalah SPM. Jika sebelum ini, kelayakan guru-guru di sekolah tersebut adalah Darjah VII.⁴²

Guru-guru memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi pelajaran di samping itu mewujudkan minat di kalangan kanak-kanak. Tanpa peranan ini, kanak-kanak yang baru memasuki persekolahan tidak akan berminat dalam pelajaran mereka. Ia menjadi satu kerugian terhadap kanak-kanak India di ladang-ladang yang sepatutnya harus belajar dengan bersungguh-sungguh supaya dapat mengubah kedudukan taraf sosio-ekonomi keluarga mereka dan seterusnya cuba keluar daripada putaran ganas kemiskinan. Ini berbeza dengan masyarakat Melayu dan Cina di mana kebanyakan daripada mereka sangat mementingkan pendidikan anak-anak mereka. Keluarga-keluarga kanak-kanak di ladang juga tidak memberikan motivasi kepada anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran. Ini adalah kerana taraf hidup mereka yang rendah disebabkan saiz keluarga yang besar menyebabkan mereka memerlukan anak-anak mereka bekerja untuk membantu menyara kehidupan mereka.

3.4.2. Keciciran

Keciciran di kalangan pelajar-pelajar sekolah adalah satu perkara yang harus diberi perhatian. Konsep keciciran atau 'drop-out' bermakna sesiapa yang meninggalkan sistem pendidikan formal walaupun tempat telah disediakan oleh kerajaan. Manakala itu mereka yang gagal melanjutkan pelajaran kerana kekurangan tempat digelar sebagai gagal atau 'push-outs'. Laporan Murad (Kementerian

⁴² Lampiran 1, para. 85 dan 86.

Pendidikan, 1973) berhubung dengan masalah keciciran menyatakan tiga sebab utama wujudnya kadar keciciran yang begitu tinggi dalam sistem persekolahan negara. Ianya adalah akibat daripada:

- i. taraf sosio-ekonomi pelajar berkenaan;
- ii. orientasi nilai ibubapa dan
- iii. mutu sekolah yang dihadiri.⁴³

Menurut laporan itu lagi kanak-kanak India mengalami kadar keciciran yang paling tinggi iaitu pada paras 21.0 peratus diikuti oleh kanak-kanak Melayu (10 peratus) dan kanak-kanak Cina (11 peratus) bagi murid-murid dalam lingkungan umur 11 tahun. Pelajar-pelajar pada peringkat umur 15 tahun ke atas, 61 peratus daripada pelajar-pelajar India peringkat umur tersebut tercincir sebelum mereka tamat Tingkatan Tiga. Kadar keciciran terbesar berlaku semasa peralihan dari Darjah Enam ke Tingkatan Satu⁴⁴ jika berbanding dengan 55 peratus bagi pelajar-pelajar Melayu dan diikuti dengan pelajar-pelajar Cina (53 peratus).⁴⁵

Laporan tersebut mengenalpasti sekolah-sekolah menengah rendah Tamil yang terletak di ladang-ladang sebagai sekolah yang mempunyai kadar keciciran yang paling tinggi dan sekolah-sekolah tersebut adalah yang paling kecil dan miskin. Daripada semua sekolah-sekolah, sekolah Tamil adalah sekolah terkecil, termiskin dan kurang kemudahan asas. Melalui Jadual 3.18, dapat dilihat bahawa 87 peratus daripada mereka telah mendaftar di sekolah bersaiz kecil iaitu kurang 200 orang murid.

Selain daripada itu kanak-kanak di sekolah-sekolah Tamil yang mempunyai pencapaian akademik, aspirasi dan motivasi yang rendah adalah kumpulan yang

⁴³ Kerajaan Malaysia, *DEPAN*, 1991, ms. 60.

⁴⁴ Marimuthu, ms. 5.

⁴⁵ Ibid., ms. 60.

paling awal tercicir dalam pendidikan mereka jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang sebaya dengan mereka di sekolah-sekolah lain. Kajian ini juga menyatakan kanak-kanak yang mempunyai kedudukan sosio-ekonomi yang lebih tinggi akan mencapai kemajuan dalam pendidikan mereka.

Jadual 3.18

Semenanjung Malaysia: Saiz Sekolah Rendah Bahasa Pengantar Inggeris dan Ibunda (peratus)

Saiz Sekolah	Pengantar Inggeris	Bahasa Ibunda		
		Melayu	Cina	India
Kurang 200	21.0	33.4	41.1	87.5
201 - 400	13.9	36.0	33.4	7.5
401 - 600	13.9	24.0	12.8	0.0
Lebih 600	51.2	6.6	12.7	5.0

Sumber: *The Drop-Out Report*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

Salah satu sebab utama kadar keciciran di kalangan pelajar-pelajar India tinggi seperti yang dinyatakan di atas adalah disebabkan oleh taraf sosio-ekonomi masyarakat India yang sangat rendah terutamanya di kawasan-kawasan ladang. Kebanyakan daripada pelajar-pelajar India miskin tidak mendapat makanan yang berzat yang begitu penting pada usia sekolah rendah. Makanan yang berzat sangat penting untuk membina daya fizikal dan pemikiran. Ibubapa mereka yang bekerja di ladang-ladang tidak mungkin dapat memberikan makanan yang berzat kerana pendapatan yang rendah.

Latar belakang sosio-ekonomi ibubapa mereka yang rendah telah menyebabkan kebanyakan daripada pelajar-pelajar tersebut terpaksa berhenti melanjutkan pelajaran mereka dan bekerja membantu keluarga mereka supaya dapat meringankan beban ibubapa mereka. Ada juga ibubapa yang memaksa anak-anak mereka tidak ke sekolah sebaliknya bekerja membantu mereka. Di sini kita merujuk kepada orientasi nilai ibubapa untuk membantu anak-anak mereka di dalam memberikan motivasi dan menanam semangat ingin belajar. Kebanyakan daripada ibubapa pelajar-pelajar India tidak begitu mementingkan pendidikan kerana bagi mereka anak-anak mereka akan mengikuti jejak langkah mereka. Ini dapat dibuktikan dengan kedudukan mereka kini dan beberapa keturunan mereka telah bekerja di ladang-ladang.

Taraf pendidikan ibubapa mereka juga memberi kesan terhadap keciciran kanak-kanak di ladang-ladang. Ibumapa yang tidak mempunyai pendidikan yang sempurna tidak begitu memberi galakan kepada anak-anak mereka untuk belajar. Ini ditambah pula dengan kedudukan kewangan dan keluarga mereka yang besar telah menyebabkan setengah-setengahnya daripada mereka hidup bagai kais pagi makan pagi kais petang makan petang.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah keciciran. Di antaranya adalah melalui skim pinjaman buku teks, makanan seperti susu diberikan secara percuma kepada keluarga miskin dan dengan pemberian geran kepada sekolah. Ini sedikit sebanyak telah mengurangkan kadar keciciran. Ini dapat ditunjukkan melalui laporan kerajaan di

mana kadar keciciran Darjah 1 hingga 6 telah berkurangan daripada 13.9 peratus dalam tahun 1971 kepada 4.5 peratus dalam tahun 1978.

Dari laporan tersebut, boleh dikatakan bahawa kebanyakan daripada pelajar-pelajar India mengalami masalah keciciran yang sangat serius dan perlu diberi perhatian segera. Jika tidak, akan wujud ramai penduduk India Malaysia yang buta huruf masa hadapan dan ini akan memberi kesan negatif secara keseluruhan terhadap petunjuk sosio-ekonomi negara berbanding dengan negara-negara lain.

3.4.3. Enrolmen Pelajar

Kadar enrolmen di kalangan pelajar-pelajar India berbanding dengan Bumiputera pada semua peringkat pendidikan di antara tahun 1970 hingga 1985 (Jadual 3.19) menunjukkan ada kejatuhan pada kadar enrolmen ke pendidikan tinggi di kalangan pelajar-pelajar India di semua peringkat sejak dari tahun 1970. Kadar ini semakin rendah pada peringkat pengajian tinggi jika dibandingkan dengan nisbah keseluruhan penduduk India di Malaysia. Enrolmen pada peringkat sijil hanya telah berubah dari 2 hingga 3 peratus bagi tempoh 1970 hingga 1985. Sementara itu, kadar enrolmen bagi peringkat diploma adalah di bawah paras 1 peratus. Manakala bagi kursus ijazah di universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan adalah di antara 5 hingga 7 peratus bagi tempoh yang sama.

Jadual 3.19
Malaysia: Bilangan Pelajar di Peringkat Diploma dan Ijazah
1970-88

	Bumi-putera	1970				1980				
		Cina	India	Lain-lain	Jumlah	Cina	India	Lain-lain	Jumlah	
Diploma (%)	2,871 86.5	393 11.8	32 1.0	22 0.7	3,318 100.0	13,089 56.5	7,636 32.9	1,563 6.7	175 0.8	3,183 100.0
Dalam Negeri (%)	2,871 86.5	393 11.8	32 1.0	22 0.7	3,318 100.0	11,278 61.9	5,073 27.8	1,048 5.7	111 0.6	8,230 100.0
Luar Negeri (%)	- -	- -	- -	- -	- -	1,811	2,563	515 13.7	64 0.5	4,953 100.0
Ijazah (%)	3,084 40.2	3,752 48.9	559 7.3	282 3.7	7,677 100.0	36.6 18,804	51.7 18,381	10.4 3,938	1.3 341	100.0 1,454
Dalam Negeri (%)	3,084 40.2	3,752 48.9	559 7.3	282 3.7	7,677 100.0	13,610 62.0	6,848 31.2	1,252 5.7	234 1.1	1,944 100.0
Luar Negeri (%)	- -	- -	- -	- -	- -	5,194 26.6	11,533 59.1	2,676 13.7	107 0.5	9,510 100.0
	1985				1988					
Diploma (%)	27,045 66.5	11,046 27.2	2,351 5.8	235 0.6	40,677 100.0	27,965 66.8	11,874 28.4	1,756 4.2	279 0.7	41,847 100.0
Dalam Negeri (%)	24,945 71.4	8,079 23.1	1,754 5.0	161 0.5	34,939 100.0	24,829 74.3	7,466 22.4	908 2.7	195 0.6	33,398 100.0
Luar Negeri (%)	2,100 36.6	2,967 51.7	597 10.4	74 1.3	5,738 100.0	3,136 37.0	4,408 52.0	848 10.0	84 1.0	8,476 100.0
Ijazah (%)	29,875 49.4	24,647 40.7	5,581 9.2	419 0.7	60,522 100.0	44,616 48.4	37,602 40.8	9,280 10.1	673 0.7	92,171 100.0
Dalam Negeri (%)	23,841 63.0	11,241 29.7	2,473 6.5	283 0.7	37,838 100.0	30,085 60.4	15,869 31.9	3,587 7.2	249 0.5	49,790 100.0
Luar Negeri (%)	6,034 26.6	13,406 59.1	3,108 13.7	136 0.6	22,684 100.0	14,531 34.3	21,733 51.3	5,693 13.4	424 1.0	42,381 100.0

Sumber: Kerajaan Malaysia: Laporan Akhir: MAPEN, ms. 80.

Jadual 3.20

Malaysia: Bilangan Pelajar Sekolah Menengah Mengikut Aliran
1980-88

	Jumlah	%	Bumiputra	Cina	India	Lain -Lain
	Pelajar		%	%	%	%
<u>1980</u>						
Sastera	161,740	59.0	70.0	22.7	6.5	0.8
Sains	94,271	34.4	55.1	39.0	5.1	0.8
Teknik & vokasional	18,045	6.6	84.1	12.9	2.8	0.2
Jumlah	274,056	100	65.8	27.7	5.8	0.7
<u>1985</u>						
Sastera	239,140	64.6	71.9	20.6	6.7	0.8
Sains	111,948	30.2	51.3	42.7	5.3	0.7
Teknik & vokasional	19,063	5.2	89.2	9.0	1.5	0.3
Jumlah	370,151	100.0	66.6	26.6	6.0	0.8
<u>1988</u>						
Sastera	278,480	67.5	75.0	17.6	6.2	1.2
Sains	110,321	26.7	48.3	45.7	5.3	0.7
Teknik & vokasional	24,032	5.8	90.6	7.5	1.5	0.4
Jumlah	412,833	100.0	68.8	24.5	5.7	1.0

Sumber: Malaysia (1976) *Rancangan Malaysia Ketiga*, 1976-1980. ms. 452.

Malaysia (1986) *Rancangan Malaysia Kelima*, 1986-1990. ms. 552.

Malaysia (1989) *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima*, 1986-1990. ms. 283.

Dalam Jadual 3.20 kita dapat melihat bilangan pelajar-pelajar sekolah menengah mengikut aliran dan kaum dari tahun 1970 hingga 1988. Pada tahun 1980, peratus kaum India adalah 5.8 peratus atau 15,896. Keadaan ini semakin menurun pada tahun 1988 di mana peratusnya adalah 5.7 peratus daripada jumlah pelajar 412,833 di peringkat sekolah menengah. Jika dibandingkan dengan kaum Melayu dan Cina peratusan kaum India adalah sangat rendah. Adalah dijangkakan jika trend ini berterusan peratusan kaum India akan terus menurun di masa depan.

Dari segi pembahagian di antara aliran sastera dan sains, peratusan kaum India di aliran sastera menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus dari tahun 1980 ke 1985. Walau bagaimanapun peratusan ini telah berkurangan dari 6.7 peratus dalam tahun 1985 ke 6.2 peratus dalam tahun 1988. Manakala dalam aliran sains pula tiada peningkatan sejak tahun 1985 hingga 1988 iaitu kekal 1.5 peratus. Keadaan yang sama wujud dalam bidang teknik dan vokasional iaitu kekal 1.5 peratus dalam tahun 1985 dan 1988.

3.4.4. Usaha Mengatasi Masalah Pendidikan

Kaum India yang mempunyai perwakilan politik telah menyuarakan pendapat tidak puas hati mereka dari segi sistem pendidikan yang wujud terutamanya golongan berpendapatan rendah. Kongres India Malaysia (MIC) atas daya usahanya menubuhkan Institusi Maju Untuk Pembangunan Pendidikan (MIED). MIED telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat dalam tahun 1984. MIED adalah bertujuan untuk memberikan pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar kaum India yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka. Ini telah memberi satu harapan kepada keluarga-keluarga miskin yang ingin menghantar anak mereka melanjutkan pelajaran.

MIED juga terlibat di dalam mewujudkan institusi-institusi lain seperti Maktab Pendidikan Teknik dan Pendidikan Lanjutan (TAFE) di Seremban, Negeri Sembilan. Institusi ini telah dibuka pada tahun 1989 setelah sebuah memorandum persetujuan ditandatangani dengan Jabatan TAFE, Kementerian Pendidikan, Australia Barat. Kolej ini berharga RM30 juta dengan bantuan kerajaan sebanyak RM8 juta. Di antara kursus yang ditawarkan adalah kejuruteraan, perdagangan dan komputer sains.

Vanto Academy juga salah satu institusi pelajaran lanjutan yang dibeli oleh MIC dalam tahun 1980. Pada mulanya, institusi ini memberikan pendidikan menengah terutamanya kepada pelajar-pelajar India yang gagal dalam peperiksaan SRP atau SPM atau STPM untuk melanjutkan pelajaran. Walau bagaimanapun akademi ini juga menawarkan beberapa kursus perundangan. Dalam bulan Januari 1992, akademi itu telah menandatangani sebuah memorandum persetujuan dengan Curtin University, Australia Barat untuk mengadakan kursus-kursus peringkat diploma dalam pengajian perdagangan.

Semua ini adalah usaha-usaha yang telah diambil oleh para pemimpin politik kaum India bagi mengatasi kekurangan tempat pengajian awam tempatan, membantu golongan miskin dan memberi peluang kepada pelajar miskin untuk melanjutkan pelajaran mereka. Walau bagaimanapun tidaklah diketahui samada bantuan-bantuan yang diberikan ini sampai kepada pelajar-pelajar yang benar-benar memerlukannya dan betul-betul berminat melanjutkan pelajaran mereka. Ini adalah satu persoalan yang perlu diteliti.

Bagi mencapai Wawasan 2020, kerajaan memerlukan generasi yang bermutu dari segi keupayaan pemikiran yang tinggi. Sistem pendidikan formal memainkan

peranan yang penting di dalam mencapai wawasan tersebut. Selain dairpada itu ibubapa juga memainkan peranan penting dari segi pendidikan pra-sekolah semenjak mereka kecil lagi dimana para ibubapa harus berusaha mengubah nasib masa depan kanak-kanak dan keluarga mereka.

Semenjak Laporan Keciciran (1973) beberapa strategi pampasan yang diamalkan oleh kerajaan telah sedikit sebanyak mengurangkan kadar keciciran di semua peringkat sekolah dan di semua jenis sekolah. Akan tetapi sekolah-sekolah di luar bandar khususnya di kawasan pendalaman dan estet-estet masih mempunyai kadar keciciran yang tinggi. Kualiti persekitaran persekolahan yang rendah di kawasan mundur akan mempengaruhi prestasi pencapaian akademik murid-murid. Sebagai contoh beberapa kajian telah menunjukkan bahawa taraf pencapaian akademik di sekolah Tamil adalah yang paling rendah sekali. Pencapaian akademik adalah akibat daripada kualiti persekolahan dan latar belakang sosio-ekonomi murid-murid. Untuk meningkatkan prestasi pencapaian yang rendah dalam sekolah di kawasan mundur, Kerajaan harus mengambil tindakan yang lebih serius untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam sekolah tersebut.

Masalah keciciran adalah satu pembaziran yang boleh memberi kesan negatif kepada negara. Keciciran adalah merupakan isu pendidikan yang penting kepada kerajaan memandangkan hampir keseluruhan keciciran adalah terdiri dari mereka yang berada di kawasan terpencil terutamanya mereka di ladang dan kampung kecil yang terpencil yang mempunyai latarbelakang ekonomi yang rendah serta dan sekolah yang serba kekurangan. Kadar keciciran yang tinggi di kalangan kanak-kanak di ladang telah menghalang ramai pelajar daripada menikmati mobiliti ekonomi dan sosial yang dimiliki oleh pelajar-pelajar lain.

Kerajaan harus menambahkan peruntukan kewangan bagi meningkatkan kemudahan pelajaran kepada sekolah-sekolah yang serba kekurangan. Selain daripada itu, usaha untuk menyemaikan minat, menghayati dan menimba ilmu di kalangan pelajar melalui teknologi pendidikan seperti kaedah pengajaran, sistem pentadbiran, hubungan sosial antara murid dan guru perlu dipertingkatkan.

Kerajaan juga harus mengadakan kelas pemulihan bagi pelajar yang lemah untuk membuka peluang kepada pelajar yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran. Pada masa ini sekiranya seseorang pelajar itu gagal dalam peperiksaan SPM, mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam. Melalui kelas pemulihan atau pengulangan di sekolah-sekolah kerajaan akan membolehkan lebih ramai pelajar India mengulang. Ini adalah kerana keadaan sosio-ekonomi mereka menyebabkan ibubapa tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah swasta untuk mengulang pelajaran mereka.

Masyarakat India yang berada dalam paras pendapatan rendah terutamanya mereka yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan pembuatan mengalami masalah kewangan untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran sama ada di institusi tempatan atau luar negeri. Pihak kerajaan harus menyediakan biasiswa atau sekurang-kurangnya pinjaman bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran.

3.5. Kesimpulan

Sebelum perlaksanaan DEB, masyarakat Bumiputera ketinggalan dalam semua bidang jika dibandingkan dengan lain-lain kaum. Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan oleh kerajaan telah berjaya memperbaiki kedudukan ekonomi masyarakat Bumiputera dengan memberikan keutamaan kepada Bumiputera jika dibandingkan dengan lain-lain kaum. Masyarakat Cina kebanyakan daripada mereka

menguasai ekonomi negara semasa DEB mula diperkenalkan dan majoriti masyarakat India yang terlibat dalam sektor perladangan terus bergiat dalam kegiatan mereka sendiri. Masyarakat India yang ketinggalan sejak masa kedatangan mereka ke Malaysia mengalami kesukaran untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi mereka jika dibandingkan dengan masyarakat Cina. DEB dalam objektif serampang dua mata iaitu membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum, secara tidak langsung telah memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi kaum Cina dan India. Ini dapat dilihat dengan kejayaan DEB meningkatkan kadar kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Dasar kerajaan yang mengalakkan pelaburan asing telah menyebabkan wujudnya peluang-peluang pekerjaan yang baru. Ini dapat dilihat dengan adanya mobilasi tenaga buruh dari sektor perladangan ke sektor pembuatan. Masyarakat India mula meninggalkan bidang pekerjaan di ladang-ladang dan bergerak ke arah arus perkembangan negara. Mereka memperolehi pendapatan yang tetap jika dibandingkan dengan semasa bekerja di ladang-ladang. Walau bagaimanapun, peluang-peluang pekerjaan yang diisi oleh kebanyakan kaum India adalah di peringkat bawahan dengan upah yang rendah dan kos hidup di kota yang tinggi. Jawatan-jawatan pengurusan dan pentadbiran adalah sangat kurang dipegang oleh masyarakat India. Penglibatan mereka dalam jawatan profesional juga semakin menurun jika dibandingkan dengan sebelum perlaksanaan DEB.

Pendidikan adalah salah satu unsur penting kepada pembangunan negara tetapi kadar keciciran kanak-kanak India adalah sangat tinggi jika dibandingkan dengan kanak-kanak Cina atau Melayu. Ini adalah kerana keadaan sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang yang tidak sempurna dan latar belakang sosio-ekonomi keluarga mereka. Selain daripada kadar keciciran, pencapaian akademik mereka adalah sangat rendah. Tanpa pendidikan formal kanak-kanak India akan ketinggalan

di masa depan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Persoalan yang timbul di sini adakah sekolah-sekolah Tamil ini akan pupus di masa depan. Adalah didapati bahawa jumlah sekolah-sekolah Tamil daripada 720 dalam tahun 1963 kepada 555 dalam tahun 1985.⁴⁶ Manakala itu, jumlah sekolah bahasa pengantar Melayu dan Cina adalah bertambah. Tindakan yang sewajarnya harus di ambil untuk memastikan sekolah-sekolah Tamil akan terus wujud di masa depan.

Dalam bab ini kajian terperinci telah dibuat untuk melihat kesan DEB terhadap masyarakat India Malaysia. Bab 4, kajian akan dibuat untuk melihat penyertaan kaum India Malaysia dalam sektor koperat.

⁴⁶ *Sekolah-sekolah Tamil: Masalah dan Prospek*, Yayasan Pelajaran, Kebajikan dan Penyelidikan, Malaysia, Jun 1987. ms. 47 (Jadual 10).